

Konsep Reka Bentuk

Kipas Laut/Gorgonia

Kipas Laut (Sea Fan) atau Gorgonia adalah haiwan interbrata marin dalam spesies Gorgonace (Famili Anthozoa, Cnidaria filum). Kipas Laut adalah salah satu kepelbagaiannya karangan laut yang terdiri daripada pelbagai polips (cylindrical sessile) yang membesar dan membiak secara mendatar berbentuk kipas. Setiap polips memiliki enam sesungut berbanding karangan hitam yang memiliki lapan simetri. Rangka dalaman utama terdiri daripada Gorgonin yang menyokong struktur karangan dan juga tisu hidup yang menghasilkan lapisan pada permukaan karang. Tisu-tisu tersebut biasanya bewarna kemerah-merahan, kuning atau jingga. Polips mengeluarkan sesungut sebagai jaring untuk memerangkap plankton. Karang yang berbentuk kipas memberi lebih keupayaan untuk memerangkap mangsa sebagai pemakanan. Terdapat 500 spesies Kipas Laut yang berlainan ditemui di seluruh lautan di dunia.

Struktur dan ciri-ciri unik Kipas Laut memberi makna dan inspirasi kepada warga UMT untuk terus mengorak langkah mengukir kejayaan di pentas dunia pendidikan. Kejayaan yang dicapai akan menjadi tunjang kepada usaha untuk melonjak kecemerlangan pada masa akan datang.



Laporan Tahunan Universiti Malaysia Terengganu

2012



Laporan Tahunan Universiti Malaysia Terengganu 2012



Diterbitkan oleh :
Universiti Malaysia Terengganu
21030 Kuala Terengganu
Terengganu, Malaysia
www.umt.edu.my

Reka bentuk / reka letak dan urus cetak oleh:
Penerbit UMT



UMT Melakar Kejayaan

"Pada tahun ini juga, jumlah pelajar telah meningkat sebanyak 12.3% berbanding tahun 2011 iaitu pertambahan seramai 876 orang. Peningkatan ini menunjukkan **UMT** semakin menjadi pilihan para pelajar".

"**UMT** juga sedang memfokuskan kepada mengasah bakat akademik, melalui program pengurusan bakat yang terintegrasi. Penentuan jumlah tenaga akademik berdasarkan jumlah pelajar bukan satu cara yang bijak dalam pengambilan bakat akademik".

"Pencapaian keseluruhan pada tahun 2012 telah menunjukkan peningkatan sebanyak 12% berbanding tahun 2011"

"Semua program **UMT** telah menjalani audit verifikasi pematuhan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) yang bertujuan untuk meninjau tahap keberkesanan dan cabaran dalam pelaksanaan pematuhan kepada keperluan MQF berdasarkan Kod Amalan Akreditasi Program (COPPA). **UMT** merupakan institusi pengajian tinggi awam yang pertama yang menjalani audit verifikasi pematuhan ini".

"**UMT** telah dilantik sebagai peneraju Sukan Tumpuan Skuasy dan telah memulakan langkah pertamanya dengan mengadakan Majlis Dialog Bersama Dato' Nicol Ann David, Tokoh Skuasy Negara. Beliau dilantik sebagai Ikon Skuasy untuk IPT seluruh Malaysia".

"Sepanjang tahun 2012, bilangan penerimaan geran **UMT** menyamai tahun sebelumnya sebanyak 78 projek penyelidikan. Namun, jumlah penerimaan meningkat daripada RM4,319,269.00 ke RM7,440,990.00.

"Sepanjang tahun 2012, **UMT** telah berjaya meraih 32 pingat melalui 30 penyertaan produk di peringkat kebangsaan dan antarabangsa."

"Keseluruhan penerbitan yang dihasilkan oleh **UMT** pada Tahun 2012 berjumlah 985, di mana 522 daripadanya merupakan prosiding, 411 artikel jurnal, 25 buah buku dan 27 bab dalam buku."

"Pada tahun 2012 seramai 227 orang pensyarah **UMT** mempunyai kelulusan ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) iaitu sebanyak 58% berbanding 45% pada tahun 2011".

"Sepanjang tahun 2012, **UMT** terus menggiatkan proses pembangunan imej melalui aktiviti promosi dan publisti dengan memberi perhatian kepada tiga komponen utama: imej universiti pada masyarakat setempat atau tempatan iaitu peringkat Terengganu dan/atau Pantai Timur, imej **UMT** di peringkat nasional iaitu dalam negara tetapi luar Negeri Terengganu dan imej **UMT** di peringkat antarabangsa atau global".

"Pendapatan mengurus **UMT** bagi tahun 2012 berjumlah RM156.62 juta, meningkat sebanyak RM5.67 juta atau 3.76% berbanding RM150.95 juta tahun 2011".

"PSNZ kini memiliki lebih daripada 103 ribu koleksi bahan rujukan"

"Penggunaan semasa media sosial facebook PSNZ adalah seramai 4418 orang."

"Pelaksanaan Program USR@UMT menggambarkan wawasan pihak pengurusan tertinggi **UMT** dalam usaha untuk menampilkan kewujudan **UMT** bukan sahaja sebagai institusi yang memberi impak positif kepada perkembangan di sektor pengajian tinggi Malaysia tetapi juga memberi impak yang signifikan kepada pembangunan masyarakat sekitar".

"Pada tahun 2012, seramai 1,631 pelajar telah menjalani latihan industri di dalam negara dan luar negara"

"**UMT** telah dapat mengekalkan Sijil Audit Bersih bagi Penyata kewangan **UMT** yang berakhir pada 31 Disember 2011.

Keseluruhan pendapatan universiti bagi tahun 2012 ialah sebanyak RM200.89 juta iaitu meningkat sebanyak RM10.91 juta atau 5.75% berbanding RM189.98 juta pada tahun 2011".

"Jumlah aset bersih **UMT** meningkat sebanyak RM13.72 juta (2.51%) pada tahun 2012 daripada RM546.44 juta pada tahun 2011 kepada RM560.16 juta".

"Pendapatan mengurus **UMT** bagi tahun 2012 berjumlah RM156.62 juta, meningkat sebanyak RM5.67 juta atau 3.76% berbanding RM150.95 juta tahun 2011".

JAWATANKUASA LAPORAN TAHUNAN UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU



Pengerusi
Mohd Nor Shokri Abdul Rahman
Pendaftar

Ahli-ahli



Hjh. Adibah Hanim Abdul Rasid
Pengarah Jabatan Pengurusan Akademik
Pejabat Naib Canselor



Wan Abdul Manan Wan Abdullah
Pengarah Jabatan Sumber Manusia
Pejabat Pendaftar



Abdullah Syukri M Salleh
Ketua Pentadbiran Canselor Pejabat Naib Canselor



En. Zul-Atfi Hashim
Norlaile Hamid
Ketua Bahagian Pengurusan Pasca Siswazah
Jabatan Pegurusan Akademik
Pejabat Pendafta



Shahruh Jama Othman
Fazrul En. Hassan
Penolong Pendaftar, Perancangan Strategik dan Risiko
Penolong Pengurusan Teknologi Maklumat
Pejabat Naib Canselor



Rabil Sitta Abdul Rahman
Roshahrul Affenddeey Mahadi
Pegawai Penyelidik Sosial
Pusat Jaringan Penyelidikan ECER



Rabiatul Addawiyah Hanim Mohd Rosli
Arzura Abdullah
Penolong Pendaftar
Penolong Pendaftar
Pustakawan Kanan
Pusat Pembangunan Holistik Pelajar



Nur Amirah Amiruddin
Che Ku Noor Fatihah Che Ku Ahmad
Pegawai Penyelidik Sosial
Pusat Pengurusan Penyelidikan



Mohd Fadli Abdullah
Mokhtar Ishak
Ahli Fotografi
Pusat Komunikasi Korporat dan Pembangunan Citra
Penerbit UMT



Setiausaha
Azunaiddah Deraman
Urus Setia Sariyanti Salleh
Penolong Pendaftar
Pembantu Tadbir (P/O)
Pejabat Pendaftar

KANDUNGAN

UMT Melakar Kejayaan	
UMT Sepintas Lalu	2
Falsafah, Visi dan Misi	3
Objektif, Nilai-nilai Lestari dan Slogan	4
Carta Organisasi	6
Canselor	8
Pro-Canselor	11
Pihak Berkuasa Universiti	
• Lembaga Pengarah Universiti	12
• Senat	14
• Pengurusan UMT	16
Laporan Naib Canselor	17
Kejayaan dan Pencapaian	23
Pengajaran dan Pembelajaran	33
Pembangunan Pelajar	51
Pembangunan Penyelidikan	61
Pengurusan Sumber Manusia	75
Pemindahan Ilmu dan Pembangunan Citra	89
Jaringan Industri dan Komuniti	111
Laporan Kewangan	119

UMT SEPINTAS LALU

1 Februari 2007

Universiti Malaysia Terengganu ditubuhkan hasil penjenamaan semula Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM).

20 Jun 2001

KUT dinamakan Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) selaras dengan hasrat kerajaan untuk memajukan bidang sains dan teknologi.

1 Mei 2001

Kolej Universiti Terengganu telah diberi kuasa autonomi.

5 Mei 1999

Penubuhan Kolej Universiti Terengganu (KUT) telah diluluskan oleh Jemaah Menteri sebagai kampus bersekutu UPM.

1979

Universiti Malaysia Terengganu (UMT) bermula daripada di bawah payung Universiti Putra Malaysia (UPM) bertempat di Mengabang Telipot, Kuala Terengganu. Ia mula beroperasi pada tahun 1979 bagi menyediakan kemudahan latihan kepada pelajar Program Perikanan dan Sains Samudera, UPM.



FALSAFAH

Ilmu dan amal yang berpadu berlandaskan keimanan kepada Allah adalah tonggak kepada usaha universiti menyediakan modal insan yang berwibawa untuk kesejahteraan sejagat.

VISI

Menjadi universiti berprestasi tinggi dengan reputasi global.
(To Be A High Performance University with Global Reputation)

MISI

Memacu usaha penjanaan ilmu berteraskan sains dan teknologi ke arah pembangunan mapan, peningkatan sosioekonomi dan kesejahteraan sosial melalui kegiatan pembelajaran dan penyelidikan.

OBJEKTIF

- Melahirkan modal insan berwibawa yang mampu bersama membangunkan negara.
- Penawaran program akademik yang sentiasa relevan kepada keperluan semasa dan akan datang.
- Menghasilkan produk penyelidikan yang mampu meningkatkan keupayaan negara untuk menjadi sebuah negara maju.
- Meningkatkan keupayaan masyarakat dengan aktiviti pemindahan ilmu dan teknologi terkini secara berterusan.
- Menjadikan kampus universiti sebagai satu persekitaran pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan yang kondusif untuk warganya memainkan peranan masing-masing dan memenuhi piawaian antarabangsa.

NILAI-NILAI LESTARI UMT


Beriman, Berilmu, Berbakti, Bermaruah, Beramanah, Berjiwa Besar dan Berwawasan



SLOGAN

Terokaan Seluas Lautan

Penghayatan slogan adalah berdasarkan kepada firman Allah SWT dalam al-Quran yang bermaksud, “Katakanlah (Muhammad), seandainya lautan menjadi tinta untuk (menulis) kalimat-kalimat Tuhanaku, maka pasti habislah lautan itu sebelum selesai (penulisan) kalimat-kalimat Tuhanaku, meskipun Kami datangkan tambahan sebanyak itu (pula)”.- (Al-Kahfi:109)




Carta Organisasi Universiti

LEMBAGA PENDIDIKAN

NASIONAL

SENAT




Universiti Malaysia Terengganu

CANSELOR

DENGARAH UNIVERSITI

IB CANSELOR





CANSELOR

Universiti Malaysia Terengganu

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTANAH NUR ZAHIRAH,

D.K., D.M.N., S.S.M.Z., S.S.M.T., D.K. (Kedah),

Knight Grand Cross (FirstClass) of the Most Illustrious Order of Chula Chom Klao (Thailand)

Sultanah Terengganu



PRO-CANSELOR

Universiti Malaysia Terengganu

TAN SRI SAMSUDIN OSMAN

P.M.N., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S., S.J.M.K., S.I.M.P., S.P.M.P.,
S.P.D.K., D.P.M.S., D.H.M.S., P.G.D.K., D.P.M.J., J.S.M., P.M.P.,
D.G.S.M., A.M.N., S.M.W.

LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI



12

PENGERUSI

Tan Sri Datuk Dr. Ahmad Zaharudin bin Idrus
F.A.Sc., F.M.I.F.T., J.S.M., D.M.S.M.,
P.J.N., P.S.M.
B.Sc. Agric.(Hons) (Malaya), M.Sc.,
Ph.D.(Aberdeen), D.Sc. (Hons. Causa)
(Portsmouth, Loughbrough). (UTM,
UTEM, OUM, KUITTHO)
Mulai 16 Mei 2007

Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim bin Komoo
F.A.Sc., F.I.G.M., D.S.N.S.
B.Sc. Hons. (UKM), Ph.D.
(Strathclyde)
Mulai 13 April 2012

YB Dato' Haji Mohd Nasir bin Tan Sri Ibrahim Fikri
D.P.M.T., A.M.N., K.M.N., P.J.K.
Dip. Acc. (ITM), B.A. (Michigan),
MBA (Texas)
Mulai 1 April 2010

Prof. Dato' Dr. Aziz bin Deraman
S.M.T., D.P.M.T
B.Sc. Hons.(UKM), M.Sc.
(Glasgow), Ph.D. (UMIST)
Mulai 13 April 2009
hingga 12 April 2012

Tan Sri Dato' Haji Alimuddin bin Haji Mohd Dom
P.P.G., P.P.T., A.M.N., P.M.P.,
D.P.M.P, P.S.M.
Sarjana Muda (UKM), Sarjana
(UPM),
Mulai 1 Jun 2012



Dr. Mohamed Ali bin Abdul Rahman
B.Sc.Ed (USM), Master Education (University of Education), Japan, Ph. D, University of Reading
Mulai 15 Jun 2011

Zainal Abidin bin Abu Hassan
Dip. Pub. Mgmt. (Intan), B.Sc.
Human Dev. (UPM),
M.A. (New Haven)
Mulai 1 September 2009

Prof. Emeritus Dr. Abdul Latiff bin Mohamad
D.P.S.K.
B.Sc.(Hons.) (Malaya).
M.Sc., Ph.D.(Reading)
Mulai 1 Jun 2012

Dato' Ir. Dr. A. Bakar bin Jaafar
F.A.Sc., D.P.M.P., J.S.M.,
K.M.N., P.Eng., F.I.E.N.
B.E. (Hons) Mechanical
(Newcastle), M.E. (Miami),
Ph.D. (Hawaii)
*Mulai 1 April 2010
hingga 31 Mac 2012*

Prof. Emeritus Dr. Mohd Azmi bin Ambak
P.J.C, S.M.Z
B. Agric. Sc. (Malaya),
M.Sc. (Salford), Ph.D.
(UPM)
Mulai 1 Ogos 2012

Syed Nasir bin Syed Ahmad
K.M.N.
Dip. Pengurusan Awam (INTAN), Dip. In
Banking Studies (ITM),
B. Sc. (Business Administration), USA,
MBA (International Business) USA
Mulai 1 Julai 2010

Dato' Rahmah binti Haji Abu Kassim
D.S.A.P., K.M.N.
B.Econ. (Hons),
(Malaya)
*Mulai 1 April 2010
hingga 31 Mac 2012*

SENAT UMT

Pengerusi:

Prof. Dato' Dr. Aziz bin Deraman,
S.M.T., D.P.M.T.
B.Sc. (Hons.) (UKM), MSc. (Glasgow), Ph.D. (UMIST)
Naib Canselor UMT
Sehingga 12 April 2012

Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim bin Komoo
F.A.Sc., F.I.G.M.,D.S.N.S.
B.Sc. Hons. (UKM), Ph.D. (Strathclyde)
Naib Canselor UMT
Bermula 13 April 2012

Ahli:

Prof. Dr. Noor Azhar bin Mohamed Shazili
B.Sc., Ph.D. (Wales)
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Prof. Dr. Yahaya bin Ibrahim
Bac. Hons.(UTM), M.A.,
Ph.D.(UM)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Prof. Dr. Norhayati binti Mohd Tahir
B.Sc. (Hons.) (Bristol), Ph.D. (Bristol)
Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi)
Sehingga 1 September 2012

Prof. Dr. Mohd Effendy bin Abd Wahid
D.V.M., Ph.D (UPM)
Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi)
Mulai 2 September 2012

Prof. Dr. Tengku Sifzizul bin Tengku Muhammad
B.Sc., Ph.D. (Wales)
Dekan, Fakulti Sains dan Teknologi

Prof. Madya Dr. Fauziah binti Hj. Abu Hasan
B.Sc. Econ. & Stats., M.Sc. (West Michigan), Ph.D. (Florida State)
Dekan, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

Prof. Dr. Sayed Mohd. Zain bin S. Hasan
B.Sc. (Hons.) (UKM), M.Sc. (Brunel), Ph.D. (Birmingham)
Dekan, Fakulti Agroteknologi dan Sains Makanan

Prof. Dato' Dr. Saharuddin bin Dato' Abdul Hamid
B.Sc. (UPM), M.Sc. (Tokyo),
Ph.D. (Wales), DIMPPAP,
FIMarEST,MILT, M.I.K
Dekan, Sekolah Siswazah
Sehingga 31 Disember 2012

Prof. Dr. Wan Mohd Norsani bin Wan Nik
B.Sc. (George Washington),
M.Sc. (Bath), Ph.D. (UTM)
Dekan, Fakulti Pengajian Maritim dan Sains Marin
Mulai 1 Februari 2012

Prof. Madya Dr. Noraien binti Mansor
Teaching Cert. (MPSK), B.Ed. (Hons.) (UPM), M.Sc. (UPM),
Ph.D. (Nottingham)
Dekan, Fakulti Pembangunan Sosial

Prof. Madya Dr. Abol Munafi bin Ambok Bolong
B.Sc. (UPM), M.Sc. (Kochi),
Ph.D. (Ehime)
Dekan, Fakulti Perikanan dan Akua-Industri

Prof. Dato' Dr. Saharuddin bin Dato' Abdul Hamid
B.Sc. (UPM), M.Sc. (Tokyo),
Ph.D. (Wales), DIMPPAP,
FIMarEST,MILT, M.I.K
Dekan, Sekolah Siswazah
Mulai 1 Februari 2012

Prof. Dr. Mohd Lokman bin Husain
Dip. Fish. (UPM), B.Sc. (Mississippi State), M.Sc. (Florida), Ph.D. (Hull)
Pengarah, Institut Oseanografi dan Sekitaran

Prof. Dr. Anuar bin Hassan
B.Sc. (Hons.) (UM), M.Sc.,
Ph.D. (Nagasaki)
Pengarah, Institut Akuakultur Tropika

Prof. Madya Dr. Nora`aini binti Ali
B.Eng. (Chemical) UTM,
M.S.c. (UMIST), Ph. D (UKM)
Pengarah, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi

Prof. Madya Dr. Wan Abd Aziz bin Wan Mohd Amin
Dip. TRP (UTM), Adv. Dip. TRP (UiTM), M.Sc., Ph.D. (UPM)
Pengarah, Pusat Kualiti dan Pembangunan Akademik

Prof. Madya Dr. Mohd Pouzi bin Hamzah
 B.Sc. (UKM), M.Sc.
 (Glasgow), Ph.D. (UKM)
 Pengarah, Pusat Teknologi
 Maklumat

Prof. Madya Dr. Mustapha @ Pa bin Ismail
 B. Econ. (Hons.) (UM),
 M.Sc. (Michigan State), M.Sc.
 (Western Australia), Ph.D.
 (Michigan State)
 Pengarah, Pusat Jaringan Industri dan Khidmat Komuniti
Sehingga 24 April 2012

Prof. Emeritus Dr. Faizah binti Mohd Shaharom
 B.Sc. (Hons) (Qld), Ph.D (Stirling)
 Profesor, Institut Akuakultur Tropika

Prof. Emeritus Dr. Mohd Azmi bin Ambak
 B. Agric. Sc. (Malaya), M.Sc. (Salford), Ph.D. (UPM)
 Profesor, Fakulti Perikanan dan Akua-Industri

Prof. Dr. Ismail bin Mohd
 Sarjana Muda, Sarjana Matematika (ITB), M.Sc. (Loughborough), Ph.D. (St. Andrews)
 Profesor, Fakulti Sains dan Teknologi

Prof. Dr. Md. Yazid bin Mohd Saman
 B.Sc. (Essex), M.Sc. (UTM), Ph.D. (Loughborough)
 Profesor, Fakulti Sains dan Teknologi

Prof. Dr. Ir. Ahmad bin Jusoh
 B. Eng. (UPM), M.Sc. (Colorado), Ph.D. (UMT), P. Eng. (M.I.E.M)
 Profesor, Fakulti Sains dan Teknologi

Prof. Dr. Nakisah binti Mat Amin
 B.Sc. (Hons.) (UKM), M.Sc. (Mich. State, USA), Ph.D. (Glasgow, UK)
 Profesor, Fakulti Sains dan Teknologi

Prof. Dr. Nik Hashim bin Nik Mustapha
 B. Econ. (Hons.) (UM), M.Agr.Sc. (UM), Ph.D. (Washington State)
 Profesor, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

Prof. Dr. Ibrahim bin Mamat
 B.Sc. (California-Davis), M.Sc. (Michigan State), Ph.D. (Cornell)
 Profesor, Fakulti Pembangunan Sosial

Prof. Dr. Sakri bin Ibrahim
 Dip. Fish. (UPM), B. Sc. (Rhode Island), M.Sc. (Hokkaido). Ph.D. (UPM)
 Profesor, Fakulti Perikanan dan Akua-Industri

Prof. Dr. Shukery bin Mohamed, K.M.N.
 Teaching Cert. (DTC, Trg), B.A. (Hons.) (USM), M.Ed. (UCLA), Ph.D. (Ohio)
 Profesor, Fakulti Pembangunan Sosial
Sehingga 29 Februari 2012

Prof. Madya Hj. Zainal Ashirin bin Shahardin,
 S.M.Z., P.J.C.
 Dip. Fish. (UPM), B.Sc. (Rhode Island), M.Sc. (Kagoshima)
 Pengarah, Pembangunan dan Perkembangan Pelajar
Sehingga 1 Mac 2012

Ahli Ex-Officio:

Hajah Nor Azizah binti Kasim
 B. Econ. (Hons.) (UM)
 Bendahari

Wan Mariam binti Wan Abdullah
 LL.B (Hons), MCL (UIA)
 Penasihat Undang-Undang

Atip bin Ali
 Post. Grad. Dip. In Lib. Science (UiTM)
 Ketua Pustakawan (Pemangku)

Setiausaha:

To` Puan Wan Hafsa binti Wan Mohamad
 B.Sc.(USM)
 Timbalan Pendaftar (Akademik)
Sehingga 11 September 2012

Haji Zakaria bin Ibrahim
 B.A. (Hons.) (UKM), Master Management (UPM)
 Pendaftar
Bermula 12 September 2012

PENGURUSAN UNIVERSITI

Prof. Dato' Dr. Aziz bin Deraman, S.M.T., D.P.M.T.
B.Sc. (Hons.) (UKM), MSc. (Glasgow), Ph.D. (UMIST)
Naib Canselor UMT
Sehingga 12 April 2012

Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim bin Komoo F.A.Sc., F.I.G.M.,D.S.N.S.
B.Sc. Hons. (UKM), Ph.D. (Strathclyde)
Naib Canselor UMT
Bermula 13 April 2012

Ahli:

Prof. Dr. Noor Azhar bin Mohamed Shazili
B.Sc., Ph.D. (Wales)
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Prof. Dr. Yahaya bin Ibrahim
Bac. Hons.(UTM), M.A., Ph.D.(UM)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Prof. Dr. Norhayati binti Mohd Tahir
B.Sc. (Hons.) (Bristol), Ph.D. (Bristol)
Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi)
Sehingga 1 September 2012

Prof. Dr. Mohd Effendy bin Abd Wahid
D.V.M., Ph.D (UPM)
Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi)
Mulai 2 September 2012

Haji Zakaria bin Ibrahim
B.A. (Hons.) (UKM), M. Mgmt. (UPM)
Pendaftar

Hajah Nor Azizah binti Kasim B.C.M.
B. Econ. (Hons.) (UM)
Bendahari

Ir. Haji Mohd Zaideen bin Yusoff
B.Sc. (Hons.) Civil (Manchester), M.I.E.M., P.Eng.
Pengarah, Pusat Pembangunan dan Harta

Wan Mariam binti Wan Abdullah
LL.B (Hons), MCL (UIA)
Penasihat Undang-Undang

Setiausaha

Hajah Adibah Hanim binti Abdul Rasid
BSC. (Hons.) (UKM)
Ketua Penolong Pendaftar, Pejabat Naib Canselor

LAPORAN NAIB CANSELOR





“

Pada tahun ini juga, jumlah pelajar telah meningkat sebanyak **12.3%** berbanding tahun 2011 iaitu pertambahan seramai **876 orang**. Peningkatan ini menunjukkan UMT semakin menjadi pilihan para pelajar”.

Bismillahirrahmanirrahim,

Segala puji bagi Allah SWT, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya, Universiti Malaysia Terengganu sudah hampir setahun berada di bawah kepimpinan saya. Sepanjang tempoh tersebut UMT telah melalui pelbagai bentuk transformasi yang bertujuan untuk meningkatkan prestasi dan kecemerlangan perkhidmatan akademik.

PERKEMBANGAN AKADEMIK

Tahun 2012 merupakan titik permulaan bagi Fakulti Perikanan dan Akua-Industri yang mula beroperasi pada 1 Januari 2012 setelah diluluskan penubuhannya. Fakulti ini ditubuhkan untuk menyokong bidang tujuan UMT iaitu Pembangunan Sumber Akuatik khususnya sektor perikanan. Dengan penubuhan fakulti ini, tiga program pengajian sedia ada telah dipindahkan daripada Fakulti Agroteknologi dan Sains Makanan ke fakulti baru tersebut.

Pada tahun ini juga, didapati jumlah pelajar telah meningkat sebanyak 12.3% berbanding tahun 2011 iaitu pertambahan seramai 876 orang. Peningkatan ini menunjukkan UMT semakin menjadi pilihan para pelajar. Bilangan kebolehpasaran graduan UMT meningkat seramai 186 orang. Selain itu, terdapat peningkatan jumlah penerima penajaan sebanyak 94% iaitu peningkatan seramai 136 orang. Statistik ini menunjukkan peningkatan kualiti pelajar dan juga graduan UMT.

Untuk meningkatkan bilangan pelajar, UMT mengkaji kembali program sedia ada untuk memantapkan dan meningkatkan lagi kualiti program. UMT juga cuba membangunkan dasar yang jelas mengenai nisbah program yang bersifat membangun keupayaan intelektual, program bersifat gunaan (separa ikhtisas) dan program ikhtisas. Ini penting kerana selain kualiti program, konsep kebolehpasaran graduan banyak bergantung kepada jenis program yang ditawarkan dan permintaan modal insan mahir dalam negara. Untuk meningkatkan kualiti program pengajian, UMT memberikan perhatian kepada beberapa perkara berikut: pencapaian akademik pelajar yang memohon masuk ke UMT, peningkatan kualiti ahli akademik, kemudahan prasarana pengajian dan pendekatan kaedah pembelajaran yang inovatif.

Tuntutan pendidikan abad ke-21 menyebabkan perubahan yang berterusan daripada pendekatan berasaskan ilmu kepada yang berasaskan sektor pembangunan dan daripada yang bersifat mono-disiplin kepada multi-, inter- dan trans-disiplin. UMT perlu menyahut cabaran ini jika tidak mahu ketinggalan dan menjadi tidak relevan untuk pembangunan negara. Dalam konteks ini, memandangkan sistem pengajian UMT dipandu oleh tiga fakulti yang bersifat disiplin ilmu dan tiga lagi fakulti bersifat sektor pembangunan, kita telah mempunyai asas yang kukuh untuk berganjak kepada program yg bersifat multidisiplin.



“ UMT juga sedang memfokuskan kepada mengasah **bakat akademik**, melalui program pengurusan bakat yang terintegrasi. Penentuan jumlah tenaga akademik berdasarkan jumlah pelajar bukan satu cara yang bijak dalam pengambilan bakat akademik”.

UMT juga sedang mengkaji semula program untuk mewujudkan program antarabangsa selari dengan dasar pengantarabangsaan KPT yang telah diberi mandat oleh kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai hub pengajian tinggi antarabangsa. Pada peringkat awalan ini saya mengesyorkan UMT hanya mewujudkan beberapa program yang bersifat antarabangsa sepenuhnya. UMT perlu membangunkan program yang berasaskan selera antarabangsa, melantik sebahagian ahli akademik daripada kalangan akademik antarabangsa dan memasarkannya kepada penuntut antarabangsa. Walau bagaimanapun, UMT pada ketika ini telah pun mempunyai seramai 110 pelajar antarabangsa iaitu 42 orang pelajar prasiswazah dan 68 orang pelajar pascasiswazah.

Selain itu, UMT juga sedang memfokuskan kepada mengasah bakat akademik, melalui program pengurusan bakat yang terintegrasi. Penentuan jumlah tenaga akademik berasaskan jumlah pelajar bukan satu cara yang bijak dalam pengambilan bakat akademik. Oleh itu UMT perlu memberikan penekanan kepada mengenal pasti, membina dan seterusnya mengukuhkan bakat akademik. Setiap ahli akademik menjadi aset penting UMT dan perkembangannya perlu dipandu dan dipantau secara berterusan. Aktiviti penyelidikan fundamental dan penerbitan ilmiah merupakan pendekatan terbaik mengasah bakat. Untuk itu, satu entiti khusus iaitu Pusat Pengurusan Bakat Akademik akan diperkenalkan bagi membolehkan potensi ahli akademik digilap dan digunakan untuk meningkatkan kekuatan institusi.

Majlis Konvokesyen UMT Kali Ke-9 berlangsung dalam suasana yang gilang-gemilang. Seramai 2080 graduan menerima ijazah dalam bidang masing-masing. Majlis ini turut diserikan lagi dengan penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Sains kepada Tan Sri Dato' Seri Dr. Salleh bin Mohd Nor dan Gelaran Professor Emeritus kepada Prof. Dr. Mohd Azmi bin Ambak. Selain itu, pada majlis konvokesyen ini juga, UMT telah melancarkan Biasiswa Tuanku Canselor, penajaan berprestij ini telah dianugerahkan kepada dua orang pelajar peringkat Doktor Falsafah.

PENYELIDIKAN DAN INOVASI

Dalam konteks penyelidikan, UMT sememangnya sebuah universiti yang berfokus ke arah sains kelautan dan sumber akuatik. Dan amat membanggakan UMT pada tahun ini kerana salah sebuah pusat kecemerlangan universiti iaitu Institut Oseonografi dan Sekitaran (INOS) telah diiktiraf oleh Kementerian Pengajian Tinggi sebagai Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi Negara (HICoE) ketujuh di Malaysia yang khusus dalam bidang sains marin.

Pengiktirafan ini juga melayakkan INOS untuk menerima dana sebanyak RM9 juta bagi tempoh tiga tahun. Sumbangan ini menunjukkan sokongan kementerian untuk melonjakkan pencapaian INOS ke peringkat antarabangsa. Dengan pengiktirafan ini INOS seterusnya menggalas tanggungjawab sebagai pusat rujukan nasional, serantau dan antarabangsa.

Sehingga akhir tahun 2012, sebanyak 17 *Special Interest Group (S/G)* telah ditubuhkan iaitu pertambahan sebanyak satu *S/G* berbanding pada tahun 2011. Penubuhan *S/G* bertujuan untuk membudayakan penyelidikan berdasarkan konsep mentor-mentee, menggalakkan penyelidikan secara berkumpulan dalam bidang penyelidikan yang khusus dan bersifat multidisiplin. Penyelidik UMT diharapkan dapat menghasilkan penyelidikan berimpak tinggi dan untuk itu kita perlu membina pasukan yang bertaraf global dan antarabangsa.

Dalam memperkasa Institusi Pengajian Tinggi (IPT), UMT telah menekankan strategi yang lebih agresif dalam meningkatkan jumlah tenaga akademik pensyarah yang berkelulusan PhD. Impak usaha ini dapat dilihat pada penghujung tahun 2012 di mana sejumlah 230 orang pensyarah UMT adalah berkelulusan PhD berbanding 174 orang pada tahun 2011. Hasilnya daripada jumlah keseluruhan 395 orang tenaga akademik, 58% adalah berkelulusan PhD. Ini bermakna UMT telah berjaya mencapai sasaran 40% yang ditetapkan oleh pihak kementerian.

Pengiktirafan oleh badan akademik dan badan profesional kepada tenaga akademik UMT juga dilihat meningkat sebanyak 69% iaitu daripada 120 pada tahun 2011 kepada 203 jumlah pengiktirafan pada tahun 2012 di mana pengiktirafan di peringkat kebangsaan adalah sebanyak 152 manakala 51 adalah di peringkat antarabangsa. Ini menunjukkan kepakaran tenaga akademik UMT telah mula diiktiraf dan dijadikan rujukan di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

UMT juga dilihat sentiasa proaktif dalam aktiviti promosi dan penghasilan produk-produk penyelidikannya. Sepanjang tahun 2012, UMT telah menghantar 30 penyertaan pertandingan produk penyelidikan dan berjaya meraih kemenangan melebihi 100% selepas dianugerahi 32 pingat peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Ini sejajar dengan hasrat kerajaan yang mahukan IPT lebih berdaya saing dan inovatif dalam menghasilkan produk penyelidikan yang benar-benar berkualiti dan mampu menjana pendapatan melalui pengkomersialan. Ini merupakan petanda baik untuk UMT mengorak langkah yang lebih agresif ke arah mengkomersialkan produk-produk tersebut.

Pada tahun 2012, jumlah geran penyelidikan yang diterima dan diuruskan telah meningkat, iaitu daripada RM4 juta lebih kepada RM7 juta lebih, yang mana hampir 95 % daripada jumlah tersebut disumbangkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA). Daripada jumlah tersebut seramai 154 orang pensyarah UMT menjadi Ketua Projek iaitu kira-kira 47% daripada 326 pensyarah aktif pada tahun 2012. Kejayaan ini dicapai melalui program-program penyediaan cadangan projek penyelidikan yang berkualiti serta memenuhi kehendak bidang kajian yang diperlukan oleh pemberi dana yang selari dengan kepakaran UMT.

Bilangan penerbitan juga telah meningkat sebanyak 42% berbanding tahun 2011. Ini membuktikan ahli akademik UMT sentiasa melakukan percambahan idea melalui hasil penulisan mereka. Jumlah penerbitan yang dihasilkan oleh UMT pada tahun 2012 adalah 985 hasil penulisan. Untuk meraikan pencapaian penyelidik UMT sepanjang tahun dalam usaha mereka menghasilkan penerbitan ilmiah dan pencapaian mereka dalam pertandingan produk dan inovasi, UMT turut mengadakan anugerah tahunan iaitu Anugerah Malim Ilmu dan tahun 2012 merupakan tahun kelima anugerah ini diadakan.

JARINGAN STRATEGIK ANTARABANGSA

Sepanjang tahun 2012 UMT menggiatkan proses pembangunan imej melalui aktiviti promosi dan publisiti di peringkat negeri, di peringkat kebangsaan dan juga di peringkat antarabangsa. Bagi tujuan promosi akademik, penyelidikan dan lawatan kerja atau strategik, warga UMT telah mengadakan lawatan ke 30 buah negara sepanjang tahun 2012, dan terdapat peningkatan sebanyak 28% aktiviti pengantarabangsaan UMT ke luar negara. Bilangan lawatan dan delegasi dari luar negara ke UMT pada tahun 2012 juga menunjukkan peningkatan yang ketara. Bilangan MoU yang aktif dan aktiviti yang berkaitan telah meningkat sebanyak 15.5%, ini membuktikan UMT sentiasa membuka peluang kerjasama dalam pelbagai aspek.

PEMINDAHAN ILMU

Walaupun pencapaian KPI berkaitan pemindahan ilmu menyusut pada tahun 2012, namun UMT telah meneliti dan mengkaji semula KPI ini dan mensasarkan untuk hanya melaporkan program yang benar-benar dapat memindahkan ilmu kepada masyarakat, manakala program kemasyarakatan lain dilakukan untuk memenuhi tanggungjawab sosial sesebuah universiti.

UMT sentiasa berusaha untuk melaksanakan aktiviti berkaitan dengan pemindahan ilmu agar dapat sampai kepada kumpulan sasaran. Salah satu cara yang berbeza untuk melakukan khidmat komuniti adalah dengan pendigitalan bahan-bahan di perpustakaan. Perpustakaan UMT telah memperkenalkan inisiatif digital di mana bahan-bahan bercetak melalui proses pendigitalan dan boleh diakses secara atas talian. Sumber maklumat seperti kertas peperiksaan, artikel dan pelbagai bahan maklumat lain dapat diakses melalui aplikasi *D-Space* dan juga dapat dimuat turun di mana-mana sahaja.

PEMBANGUNAN FIZIKAL

Pada tahun 2012, lima projek iaitu Kompleks Makmal, Kompleks Kuliah Berpusat, Fakulti Pengajian Maritim dan Sains Marin, Fakulti Agroteknologi dan Sains Makanan dan Pusat Pengajian Siswazah telah berjaya disiapkan. Manakala satu lagi projek iaitu Pusat Islam masih dalam akhir pembinaan.

Kemudahan capaian Internet aplikasi rangkaian tanpa wayar di Kolej Kediaman Siswa juga telah dinaiktaraf untuk menjadikannya sebagai pusat pembelajaran kendiri pelajar atau tempat pembelajaran kedua yang boleh dilakukan secara berterusan berasaskan pendekatan informal dan non-formal. Selain itu, sepanjang tahun 2012 Pusat Teknologi Maklumat telah menyiapkan 11 modul aplikasi atas talian untuk menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan di UMT dan juga mempertingkatkan produktiviti kerja warga UMT.

UMT telah mencapai banyak kejayaan pada tahun 2012 dan diharapkan semoga kejayaan yang telah dicapai menjadi tunjang kepada usaha untuk melonjakkan kecemerlangan UMT pada tahun-tahun yang akan datang.

“BERSAMA MEMBANGUN UMT”

PROFESOR EMERITUS DATO' DR. IBRAHIM BIN KOMOO, F.A.Sc., F.I.G.M., D.S.N.S.

Naib Canselor

Universiti Malaysia Terengganu

KEJAYAAN & PENCAPAIAN



“

Pencapaian keseluruhan pada tahun 2012 telah menunjukkan peningkatan sebanyak 12% berbanding tahun 2011”

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) TAHUN 2012

Laporan prestasi dan pencapaian UMT bagi tahun 2012 telah mengambil kira 25 petunjuk prestasi utama hasil gabungan elemen-elemen petunjuk prestasi *Malaysia Research Assessment Instrument* (MyRA) dan *Critical Agenda Project* (CAP) di bawah Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN).


Jadual 1 di bawah memaparkan ringkasan KPI yang akan dilaporkan sebagai pencapaian pada tahun 2012.

Jadual 1: Bilangan KPI Tahun 2012 berdasarkan KRA.

KRA	ASAS	BILANGAN KPI
KRA 1: Kualiti Akademik	Kualiti Graduan	3
	Pegawai Akademik Berwibawa	4
	Pegawai Akademik Berdaya Saing	2
KRA 2: Penjanaan Ilmu dan Khazanah	Penyelidikan dan Inovasi	3
	Perundingan dan Pengkormesilan	4
KRA 3: Pembangunan Sosial	Penerbitan	7
	Pengilmuan Masyarakat	1
JUMLAH KPI	Pengantarabangsaan	1
		25

KPI TAHUN 2012 DAN 2011 – PERBANDINGAN KESELURUHAN

Secara keseluruhannya, 14 daripada 25 KPI atau 56% KPI telah berjaya mencapai sasaran yang telah ditetapkan berbanding 11 atau 44% KPI yang tercapai pada tahun 2011. Pencapaian keseluruhan pada tahun 2012 telah menunjukkan peningkatan sebanyak 12% berbanding tahun 2011, seperti dipaparkan pada Rajah 1.




Rajah 1: Perbandingan Pencapaian KPI UMT bagi Tahun 2011 dan 2012.

PENCAPAIAN

KRA 1: KUALITI AKADEMIK

Kualiti akademik UMT telah mencapai 67% sasaran iaitu enam daripada sembilan KPI berbanding hanya 33% pada tahun 2011, seperti yang dipaparkan pada Rajah 2 di bawah. Rajah ini juga menunjukkan peningkatan KPI berkaitan KRA 1 yang telah mencapai sasaran sebanyak 34% pada tahun 2012 berbanding tahun 2011.



Rajah 2: Pencapaian Sasaran KRA 1: Kualiti Akademik.

Sejumlah enam daripada sembilan KPI di dalam KRA 1 ini telah menunjukkan peningkatan dari segi pencapaiannya pada tahun 2012 berbanding tahun 2011. Sebagai contoh, bilangan anugerah dan pengiktirafan yang diterima oleh para penyelidik UMT telah meningkat sebanyak 69% pada tahun 2012 berbanding tahun sebelumnya yang membuktikan kewibawan ahli akademik di UMT. Jadual 2 di bawah memaparkan pencapaian terperinci setiap KPI.


Jadual 2: Pencapaian Terperinci KRA 1 UMT : Kualiti Akademik.

Petunjuk Prestasi Utama (KPI)	Sasaran 2012	Pencapaian 2012	Pencapaian 2011
ASAS 1: KUALITI GRADUAN			
1 Bilangan pelajar PhD warganegara yang digraduatkan oleh IPTA	10	8	8
2 Bilangan pelajar yang mengikuti latihan / praktikum (mobiliti)		1825	1449
i) Dalam negara	1500	1600	1410
ii) Luar negara		225	39

Petunjuk Prestasi Utama (KPI)	Sasaran 2012	Pencapaian 2012	Pencapaian 2011
3 Bilangan dan peratusan graduan yang bekerja dalam tempoh 6 bulan selepas tamat pengajian	75%	1237 @ 62%	1051 @ 62%
ASAS 2: PEGAWAI AKADEMIK BERWIBAWA			
4 Jumlah staf yang berpengalaman dalam penyelidikan mengikut cohort :-			
i) > 20 tahun pengalaman	20%	71 (18%)	30 (8%)
ii) 10 - 20 tahun pengalaman	40%	160 (40.5%)	180 (48%)
iii) < 10 tahun pengalaman	40%	164 (41.5%)	164 (44%)
5 Bilangan anugerah / pengiktirafan / fellowship / scholarship / stewardship yang diberikan oleh badan akademik dan profesional / persatuan / pameran / kepada staf akademik :-	130	203	120
i) Kebangsaan		152	82
ii) Antarabangsa		51	38
6 Bilangan ahli akademik yang menjadi pakar rujuk / penashit di peringkat :-	65	87	61
i) Kebangsaan		77	50
ii) Antarabangsa		10	11
7 Bilangan ahli akademik yang dilantik menjadi Profesor Adjung / Profesor Pelawat di institusi luar negara	1	2	1
ASAS 3: PROGRAM AKADEMIK BERDAYA SAING			
8 Bilangan program yang mendapat pengiktirafan badan profesional antarabangsa atau pengiktirafan dari sesebuah institusi pada tahun semasa	2	2	3
9 Bilangan kurikulum kursus dalam <i>Mod Blended Learning</i>	260	377	241

KRA 2: PENJANAAN ILMU DAN KHAZANAH

Dari segi penjanaan ilmu dan khazanah, sebanyak 50% KPI telah mencapai sasaran iaitu tujuh daripada 14 KPI, seperti Rajah 3.



Rajah 3: Pencapaian Sasaran KRA 2: Penjanaan Ilmu dan Khazanah.

Walaupun pencapaian sasaran tidak berubah, namun tahun 2012 tetap menyaksikan peningkatan pencapaian dalam beberapa KPI penting seperti bilangan penerbitan yang merangkumi artikel jurnal, buku, bab dalam buku dan lain-lain penulisan yang telah meningkat sebanyak 42% berbanding tahun 2011. Peningkatan ini membuktikan bahawa pegawai akademik UMT sentiasa melakukan percambahan idea melalui hasil penulisan mereka. Selain itu, nilai geran penyelidikan yang diperoleh juga turut meningkat sebanyak 94% berbanding tahun sebelumnya. Ini turut membuktikan bahawa para penyelidik UMT mampu meraih kepercayaan pemberi dana dengan perancangan projek-projek penyelidikan yang berkualiti. Pencapaian terperinci setiap KPI dipaparkan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Pencapaian Terperinci KRA 2: Penjanaan Ilmu dan Khazanah.

Petunjuk Prestasi Utama (KPI)	Sasaran 2012	Pencapaian	
		2012	2011
ASAS 1: PENYELIDIKAN DAN INOVASI			
1 Bilangan staf akademik (tetap / kontrak) yang terlibat sebagai Penyelidik Utama / Ketua Projek / Perseorangan bagi projek-projek penyelidikan yang aktif	60%	154 (38%)	154 (41%)
i) Dana universiti		23	23
ii) Geran kebangsaan		130	130
iii) Geran antarabangsa		1	1

Petunjuk Prestasi Utama (KPI)		Sasaran 2012	Pencapaian 2012	Pencapaian 2011
2	Jumlah peruntukan yang diluluskan yang ditaja oleh :-	RM50k / staf akademik	8,024,038 (RM20k / staf akademik)	4,137,959 (RM11k / staff akademik)
	i) Badan kerajaan / berkanun		7,560,115	4,034,959
	ii) Syarikat swasta dalam negara (termasuk penyelidikan kontrak)		463,923	70,000
	iii) Badan / agensi di luar Malaysia		0	33,000
3	Bilangan paten:			
	i) Diperoleh pada tahun berkenaan (<i>granted</i>)	1	0	0
	ii) Telah difaillkan tetapi belum diberikan sehingga tahun berkenaan	10	10	10

ASAS 2: PERUNDINGAN DAN PENGKORMESILAN

4	Bilangan produk baru yang dikomersilkan pada tahun berkenaan	2	0	0
5	Bilangan IPR karya asli (buku) yang dihasilkan oleh staf universiti pada tahun berkenaan	20	24	20
6	Jumlah pendapatan (<i>gross income</i>) yang dijana melalui projek-projek perundingan yang dijalankan secara perseorangan atau berkumpulan pada tahun berkenaan dan bukan kumulatif	1,000,000	702,882	725,250
7	Jumlah pendapatan (<i>gross income</i>) yang dijana melalui latihan / kursus / bengkel / hasil pelesenan teknologi/pengkomersilan hasil R & D dan yuran pasca siswazah, yuran program francais dan bayaran yang diterima oleh hospital (<i>recoupable</i>) pada tahun berkenaan dan bukan kumulatif	25000	124,924	27,500


ASAS 3: PENERBITAN

8	Bilangan penerbitan di dalam jurnal terindeks / jurnal berfaktor impak (SCOPUS / ISI / SCI / SCOPUS / All)	250	261	201
9	Faktor impak kumulatif bagi semua penerbitan di dalam citation-indexed journals (ISI-JCR)	180	254.327	174.614

Petunjuk Prestasi Utama (KPI)	Sasaran 2012	Pencapaian 2012	Pencapaian 2011
10 Indeks <i>citation</i> kumulatif untuk semua penerbitan yang telah dihasilkan institusi dan dirujuk (<i>SCOPUS / ISI</i>)	1200	1841	1018
11 Bilangan penerbitan di dalam <i>non-citation-indexed journal</i> (jurnal tidak terindeks)	200	150	173
12 Bilangan bab dalam buku yang diterbitkan	30	26	23
13 Bilangan lain-lain penerbitan yang memberikan kesan kepada kerajaan / masyarakat / polisi seperti artikel dalam majalah, <i>newsletter</i> , penerbitan dari persidangan (prosiding) dan lain-lain	400	692	393
14 Bilangan penerbitan yang dihasilkan secara perkongsian dan berpasukan	220	141	283

KRA 3: PEMBANGUNAN SOSIAL

Pembangunan sosial turut diberi perhatian oleh UMT terutama dari segi pemindahan ilmu kepada masyarakat dan jaringan kerjasama tempatan dan antarabangsa. Satu daripada dua KPI yang ditetapkan telah mencapai sasaran pada tahun 2012, jumlah yang sama pada tahun sebelumnya, seperti dipaparkan pada Rajah 4.



Rajah 4: Pencapaian KRA 3 – Pembangunan Sosial.

Satu daripada dua KPI yang dilaporkan pada tahun 2012 telah meningkat pencapaiannya berbanding tahun 2011. Bilangan MoU yang aktif serta aktiviti yang berkaitan telah meningkat sebanyak 15.5% pada tahun 2012, membuktikan bahawa UMT sentiasa membuka peluang kerjasama dalam pelbagai aspek. Walaupun pencapaian KPI berkaitan pemindahan ilmu menyusut pada tahun 2012, namun UMT sebenarnya telah meneliti dan mengkaji semula KPI ini dan mensasarkan untuk hanya melaporkan program-program yang benar-benar dapat memindahkan ilmu kepada masyarakat, manakala program-program kemasyarakatan lain dilakukan untuk memenuhi tanggungjawab sosial sesebuah universiti.

Jadual 4 di bawah memaparkan pencapaian terperinci KPI-KPI di bawah KRA 3.

Jadual 4: Pencapaian Terperinci KRA 3: Pembangunan Sosial.

Petunjuk Prestasi Utama (KPI)	Sasaran 2012	Pencapaian 2012	Pencapaian 2011
ASAS 1: PENGILMUAN MASYARAKAT			
1 Bilangan Projek Pemindahan Pengetahuan dan Akademik dengan kerjasama Industri / Komuniti	15	5	14
ASAS 2: PENGANTARABANGSAAN			
2 Bilangan MoU / MoA yang ditandatangani bersama-sama dengan institusi / agensi yang aktif di peringkat :-	68	67	58
i) Kebangsaan			
a. Bilangan MoU	37	39	32
b. Bilangan Aktiviti	107	114	102
ii) Antarabangsa			
a. Bilangan MoU	31	28	26
b. Bilangan Aktiviti	38	25	22



PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN





“Semua program UMT telah menjalani audit verifikasi pematuhan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) yang bertujuan untuk meninjau tahap keberkesanan dan cabaran dalam pelaksanaan pematuhan kepada keperluan MQF berdasarkan Kod Amalan Akreditasi Program (COPPA). UMT merupakan institusi pengajian tinggi awam yang pertama yang menjalani audit verifikasi pematuhan ini”.

PRASISWAZAH DAN DIPLOMA

Fakulti Perikanan dan Akua-Industri telah diluluskan penubuhannya dan mula beroperasi pada 1 Januari 2012 bertujuan menyokong bidang tujuan UMT.

PROGRAM PENGAJIAN PRASISWAZAH DAN DIPLOMA

Pada tahun 2012, UMT berusaha memperkuuh dan memantapkan program pengajian sedia ada dengan membuat penilaian yang menyeluruh mengenai kerelevanan, daya tarikan, kualiti pembelajaran dan kebolehpasaran. Semua program UMT telah menjalani audit verifikasi pematuhan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) yang bertujuan untuk meninjau tahap keberkesanan dan cabaran dalam pelaksanaan pematuhan kepada keperluan MQF berdasarkan Kod Amalan Akreditasi Program (COPPA). UMT merupakan institusi pengajian tinggi awam yang pertama yang menjalani audit verifikasi pematuhan ini.

Tiga program pengajian prasiswazah dan Diploma sedia ada telah dipindahkan daripada Fakulti Agroteknologi dan Sains Makanan ke Fakulti Perikanan dan Akua-Industri yang merupakan sebuah fakulti baharu yang telah memulakan operasinya pada 1 Januari 2012.

Senarai program pengajian mengikut fakulti adalah seperti di Jadual 5:

Jadual 5: Program Pengajian Prasiswazah dan Diploma Mengikut Fakulti.

Bil	Kod Program	Program Pengajian
Fakulti Sains dan Teknologi		
1	GC10	Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian)
2	GC28	Sarjana Muda Sains Komputer dengan Informatik Maritim
3	GS02	Sarjana Muda Sains (Sains Biologi)
4	GS03	Sarjana Muda Sains Gunaan (Pemuliharaan dan Pengurusan Biodiversiti)
5	GS28	Sarjana Muda Sains (Sains Kimia)
6	GS44	Sarjana Muda Sains (Kimia Analisis dan Persekutaran)
7	GS08	Sarjana Muda Sains (Matematik Komputasi)
8	GS43	Sarjana Muda Sains (Matematik Kewangan)
9	GY06	Sarjana Muda Teknologi (Alam Sekitar)
10	GS15	Sarjana Muda Sains Gunaan (Fizik Elektronik dan Instrumenstasi)
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi		
1	GE02	Sarjana Muda Perakaunan
2	GE00	Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam)
3	GP22	Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran)
4	GP08	Sarjana Muda Pengurusan (Pelancongan)

Bil	Kod Program	Program Pengajian
Fakulti Agroteknologi dan Sains Makanan		
1	GG09	Sarjana Muda Sains Makanan (Perkhidmatan Makanan dan Pemakanan)
2	GS04	Sarjana Muda Sains Makanan (Teknologi Makanan)
3	GG31	Sarjana Muda Sains Agroteknologi (Teknologi Lepas Tuai)
Fakulti Pengajian Maritim dan Sains Marin		
1	GG15	Sarjana Muda Sains (Sains Samudera)
2	GS40	Sarjana Muda Sains (Biologi Marin)
3	GP18	Sarjana Muda Pengurusan (Maritim)
4	GG37	Sarjana Muda Sains Gunaan (Teknologi Maritim)
5	GS68	Sarjana Muda Sains (Sains Nautika dan Pengangkutan Maritim)
Fakulti Pembangunan Sosial		
1	GP04	Sarjana Muda Kaunseling
2	GP31	Sarjana Muda Pengurusan (Polisi dan Sekitaran Sosial)
Fakulti Perikanan dan Akua-Industri		
1	GG10	Sarjana Muda Sains Gunaan (Perikanan)
2	GG27	Sarjana Muda Sains Agroteknologi (Akuakultur)
3	G2051	Diploma Perikanan

BILANGAN PELAJAR BAHRU PRASISWAZAH DAN DIPLOMA


Bilangan pelajar baharu bagi tahun 2012 telah meningkat sebanyak 112 pelajar (5%) iaitu seramai 2546 pelajar berbanding 2434 pelajar pada tahun 2011. Perinciannya seperti di Jadual 6 dan Rajah 5.

Jadual 6 : Pengambilan Pelajar Prasiswazah dan Diploma Tahun 2011-2012.

Fakulti/ Program Pengajian	Pengambilan Pelajar	
	2012	2011
Fakulti Sains dan Teknologi		
Sarjana Muda Sains (Sains Biologi)	88	94
Sarjana Muda Sains (Sains Kimia)	91	92
Sarjana Muda Sains (Matematik Kewangan)	96	93
Sarjana Muda Sains (Matematik Komputasi)	101	97
Sarjana Muda Sains (Kimia Analisis dan Persekutaran)	97	94
Sarjana Muda Sains Gunaan (Fizik Elektronik dan Instrumenstasi)	85	89

Fakulti/ Program Pengajian	Pengambilan Pelajar	
	2012	2011
Sarjana Muda Sains Gunaan (Pemuliharaan dan Pengurusan Biodiversiti)	84	87
Sarjana Muda Teknologi (Alam Sekitar)	102	95
Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian)	96	94
26	Dr. Nor Raihan binti Mohamad	Pensyarah Universiti Gred DS52 (Pensyarah Kanan)	Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
27	Dr. Madiyah binti Mohamad Shukri	Pensyarah Universiti Gred DS52 (Pensyarah Kanan)	Fakulti Pembangunan Sosial
28	Dr. Wan Mariam binti Wan Muda	Pensyarah Universiti Gred DS52 (Pensyarah Kanan)	Fakulti Sains dan Teknologi
29	Dr. Nurul Hayati binti Idris	Pensyarah Universiti Gred DS52 (Pensyarah Kanan)	Fakulti Sains dan Teknologi
30	Dr. Noraida binti Haji Ali	Pensyarah Universiti Gred DS52 (Pensyarah Kanan)	Fakulti Sains dan Teknologi

Bil	Nama	Jawatan	PTJ
31	Dr. Siti Aisyah binti Saat	Pensyarah Universiti Gred DS52 (Pensyarah Kanan)	Fakulti Pembangunan Sosial
32	Dr. Amirrudin bin Ahmad	Pensyarah Universiti Gred DS52 (Pensyarah Kanan)	Fakulti Sains dan Teknologi
33	Dr. Roshaiza binti Taha	Pensyarah Universiti Gred DS52 (Pensyarah Kanan)	Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
34	Dr. Zuha Rosufila binti Abu Hasan	Pensyarah Universiti Gred DS52 (Pensyarah Kanan)	Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
35	Dr. Amir bin Ngah	Pensyarah Universiti Gred DS52 (Pensyarah Kanan)	Fakulti Sains dan Teknologi
36	Dr. Shayuti binti Mohamed Adnan	Pensyarah Universiti Gred DS52 (Pensyarah Kanan)	Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
37	En. Sumazly bin Sulaiman	Pensyarah Universiti Gred DS52 (Pensyarah Kanan)	Fakulti Sains dan Teknologi
38	Dr. Mustafa bin Man	Pensyarah Universiti Gred DS52 (Pensyarah Kanan)	Fakulti Sains dan Teknologi
39	Dr. Khatijah binti Omar	Pensyarah Universiti Gred DS52 (Pensyarah Kanan)	Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
40	Dr. Raja Zirwatul Aida binti Raja Ibrahim	Pensyarah Universiti Gred DS52 (Pensyarah Kanan)	Fakulti Pembangunan Sosial
41	Dr. Mohd Nasir bin Nawawi	Pensyarah Universiti Gred DS52 (Pensyarah Kanan)	Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
42	Dr. Azlinzuraini binti Ahmad	Pensyarah Universiti Gred DS52 (Pensyarah Kanan)	Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
43	Dr. Maisara binti Abdul Kadir	Pensyarah Universiti Gred DS52 (Pensyarah Kanan)	Fakulti Sains dan Teknologi
44	Dr. Zailani bin Abdullah	Pensyarah Universiti Gred DS52 (Pensyarah Kanan)	Fakulti Sains dan Teknologi
45	Dr. Hanafi bin A.Rahim	Pensyarah Universiti Gred DS52 (Pensyarah Kanan)	Fakulti Sains dan Teknologi
46	Dr. Roseliza binti Mat Alipiah	Pensyarah Universiti Gred DS52 (Pensyarah Kanan)	Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
47	Dr. Faridah binti Yahya	Pensyarah Universiti Gred DS52 (Pensyarah Kanan)	Fakulti Agroteknologi dan Sains Makanan
48	Dr. Mohamad Khairi bin Mohd Zainol	Pensyarah Universiti Gred DS52 (Pensyarah Kanan)	Fakulti Agroteknologi dan Sains Makanan

Bil	Nama	Jawatan	PTJ
49	Mohd Yusmiza bin Mamat	Pegawai Tadbir Gred N44 (Penolong Pendaftar Kanan)	Pejabat Pendaftar
50	Ahmadi bin Abdul Ghawi	Pengawal Keselamatan Gred KP14	Pejabat Pendaftar
51	Mohd Jasmin bin Ismail	Pekerja Awam Gred R4	Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah, UMT

LATIHAN

Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam (DLSMSA) yang diperkenalkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005, mensasarkan semua pegawai mengikuti latihan sekurang-kurangnya tujuh hari setahun. Sebanyak 70 program latihan telah berjaya dilaksanakan berbanding 77 pada tahun 2011, dengan pecahan latihan Jadual 39.

Jadual 39: Bilangan Latihan Tahun 2012 dan 2011.

Latihan	2012	2011
Kursus Wajib Universiti (Induksi)	5	5
Kursus Dalaman	46	45
Taklimat	19	27
Jumlah Keseluruhan	70	77

Berdasarkan pelaksanaan program latihan sepanjang tempoh 2012, seramai 1096 orang staf dengan peratusan 89.91% telah mencapai sasaran tujuh hari latihan berbanding 1163 orang staf (93.27%) pada tahun 2011. Pencapaian sasaran tujuh hari latihan mengikut staf Jadual 40.

Jadual 40: Bilangan Staf Mencapai Sasaran Tujuh Hari Latihan Mengikut Gred / Kumpulan.

Gred/Kumpulan	Bilangan	Hadir 7 Hari & Lebih
JUSA	19	17
Pengurusan dan Profesional (Akademik)	292	254
Pengurusan dan Profesional	199	197
Sokongan 1 (Gred 17-40)	533	497
Sokongan 2 (Gred 1-16)	176	131
Jumlah Keseluruhan	1219	1096
Peratus (%)	89.91	

PROGRAM PEMBANGUNAN PROFESIONALISME PEGAWAI AKADEMIK

UMT sebagai gedung ilmu perlu mempunyai ahli akademik yang menguasai kepelbagaiannya ilmu. Pembangunan dan pemantapan profesionalisme akademik perlu diberi perhatian yang khusus bagi memastikan kelestarian pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran. Jadual 41 menyenaraikan Program Pembangunan Profesionalisme Pegawai Akademik UMT bagi tahun 2012.

Jadual 41: Program Pembangunan Profesionalisme Pegawai Akademik Tahun 2012.

Nama Program

- Taklimat Pengukuhan Kaedah Pembelajaran Berpusatkan Pelajar (SCL)
- Bengkel Peningkatan Profesionalisme Pensyarah (Siri OBE – Pendedahan)
- Bengkel Pengurusan Penyelidikan dan Penyeliaan
- Bengkel Pengurusan Strategik Akademia
- Program Pembangunan Kepimpinan Inovatif dan Transformasi Pensyarah Muda 2012 (AKEPT)
- Bengkel Inovasi Pengajaran Kreatif
- Bengkel Peningkatan Profesionalisme Pensyarah (Siri OBE-Penilaian)
- Bengkel Penulisan Hasil Pembelajaran Kursus dan Program (CLO & PLO)
- Bengkel Asas Pengajaran dan Pembelajaran UMT 2012
- Bengkel Peningkatan Profesionalisme Pensyarah (Siri SCL – PoPBL)
- *Edutalk : Teaching and Learning in Higher Education*
- *International Conference on Quality Teaching and Learning (ICQTL 2012)*
- Karnival e-Pembelajaran UMT 2012
- Bengkel Asas Pembangunan e-Kandungan Menggunakan Aplikasi Camtasia Studio
- Program *Training For Master Trainers e-Learning*
- Bengkel Penggunaan *MyLearn*



PERSIDANGAN LUAR NEGARA

Seramai 90 pegawai UMT telah menghadiri persidangan dan latihan di luar negara sepanjang tempoh 2012 yang melibatkan peruntukan kewangan sebanyak RM600,000.00 berbanding 88 pegawai pada tahun 2011 dengan peruntukan sebanyak RM500,000.00.

SANGKUTAN LUAR NEGARA

Seramai lapan orang pegawai kumpulan pengurusan dan profesional bukan akademik telah mengikuti program sangkutan luar negara. Maklumat peserta yang mengikuti program sangkutan luar negara adalah seperti di Jadual 42.

Jadual 42 : Senarai peserta yang mengikuti Program Sangkutan Luar Negara Tahun 2012.

Pemohon	PTj	Institusi	Tarikh
Noor Zuliana binti Mohd Nor Pegawai Sains	Institut Akuakultur Tropika	Nagasaki University, Nagasaki, Japan	08 - 21 Sep 2012
Azize bin Abdullah Penolong Pengarah Kanan	Pejabat Pembangunan dan Harta	John Moores University, United Kingdom	06 - 19 Okt 2012
Mohd Zulkifli bin Abdul Aziz Pegawai Psikologi	Pejabat Timbalan Naib Canselor (HEPA)	Cardiff University, United Kingdom	09 - 19 Nov 2012
Shaharul Suhaila binti Hj. Ismail Pegawai Sains Kanan	Institut Oseanografi dan Sekitaran	National Museums of Scotland, Edinburgh, Scotland	10 - 23 Nov 2012
Rabiatul Addawiyah Hanim binti Mohd Rosli Pustakawan Kanan	Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah	The Birkbeck Library University of London, United Kingdom	10 - 23 Nov 2012
Gusti Afiz bin Gusti Ruslan Noor Pegawai Perikanan	Institut Akuakultur Tropika	Batavia Coast Maritime Institute, Western Australia	08 - 21 Nov 2012
Fadlina binti Yusof Pegawai Sains	Fakulti Agroteknologi dan Sains Makanan	University College Cork, Ireland	30 Nov - 13 Dis 2012
Nasrenim binti Suhaimin Pegawai Sains			



CUTI BELAJAR

Seramai 170 staf UMT sedang bercuti belajar. Daripada jumlah tersebut 166 mengikuti pengajian di peringkat Doktor Falsafah, tiga staf adalah di peringkat Sarjana dan seorang lagi di peringkat Ijazah pertama .

Pecahan mengikut kumpulan jawatan dan peringkat pengajian ditunjukkan di dalam Jadual 43.

Jadual 43 : Jumlah Staf Cuti Belajar Mengikut Peringkat Pengajian.

Jawatan	Peringkat Pengajian			Jumlah
	Doktor Falsafah	Sarjana	Ijazah Pertama	
Pensyarah	65	-	-	65
Tutor	63	-	-	63
Felo Akademik	38	3	-	41
Sokongan	-	-	1	1
Jumlah	166	3	1	170

ANUGERAH KCEMERLANGAN

Jumlah penerima anugerah mengikut kategori adalah seperti dalam Jadual 44.

Jadual 44: Jumlah Penerima Anugerah Tahun 2012.

Kategori Pengiktirafan	Jumlah Penerima
Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2011	124
Anugerah Pengajar Cemerlang Tahun 2011	4
Anugerah Khas Naib Canselor 2011	
- Kategori Staf Cemerlang	1
- Kategori Khidmat Komuniti Cemerlang	1
- Kategori Inovasi Pengurusan	1 kumpulan

PERSARAAN

Sepanjang tahun 2012 seramai dua orang staf UMT telah bersara wajib dan tiga orang bersara pilihan. Senarai pesara tahun 2012 adalah seperti dalam jadual 45.

Jadual 45 : Maklumat Pesara Tahun 2012.

NAMA	TARIKH BERSARA	JAWATAN	GRED	PTJ	CATATAN
Ahmad bin Jaffar	18.2.2012	Pengawal Keselamatan	KP14	PEND	Bersara wajib
Kartini binti Mohamad	25.11.2012	Pembantu Makmal	C22	FMSM	
Maznah binti Jusoh	5.1.2012	Setiausaha Pejabat	N28	FST	Bersara pilihan
A. Aziz bin Awang	1.6.2012	Pengawal Keselamatan	KP14	PEND	
Hamdillah bin Mohd	1.8.2012	Pekerja Awam	R4	PSNZ	

PEMANTAPAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

UMT telah memantapkan 12 perkhidmatan atas talian dalam usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan pelanggan. Jadual 46 menunjukkan semua perkhidmatan tersebut.

Jadual 46 : Perkhidmatan Atas Talian yang dimantapkan Sepanjang Tahun 2012.

Sistem	Fungsi
e-Cuti	Sistem ini berfungsi untuk urusan permohonan merekodkan maklumat cuti staf
e-Latihan	Urusan permohonan latihan dan merekod maklumat berkaitan latihan yang dihadiri oleh staf
e-LNPT	Pengisian dan merekod pencapaian penilaian prestasi staf
e-Keselamatan	Permohonan pelekat kenderaan, semakan saman dan juga peraturan lalu lintas jalan
MyTime	Merekod kehadiran staf bekerja
Modul LPU	Merekod maklumat Lembaga Pengarah Universiti dan dokumen Mesyuarat LPU
Modul Lantikan Pegawai Pentadbiran	Merekodkan maklumat pelantikan pegawai pentadbiran PTJ

Sistem	Fungsi
Modul BRP (Rekod Perkhidmatan)	Merekod dan menyediakan dokumen-dokumen berkaitan perkhidmatan pegawai
Modul Penilai Luar	Merekod maklumat perlantikan penilai luar bagi tujuan kenaikan pangkat pensyarah universiti
Modul Dokumentasi Sistem Pengurusan Kualiti	Merekod dan menyediakan dokumen-dokumen ISO 9001:2008 Pejabat Pendaftar
Modul Lapor Diri	Merekod maklumat pegawai baru melapor diri
<i>Guarantee Letter (GL)</i>	Memudahkan urusan permohonan rawatan dan rekod staf ke hospital
Modul Pengurusan kenderaan	Memudahkan urusan tempahan kenderaan universiti





UNIPERTAMA III

PEMINDAHAN ILMU DAN PEMBANGUNAN CITRA





“ Sepanjang tahun 2012, UMT terus menggiatkan proses pembangunan imej melalui aktiviti promosi dan publisti dengan memberi perhatian kepada tiga komponen utama: *imej universiti pada masyarakat setempat atau tempatan iaitu peringkat Terengganu dan/ atau Pantai Timur, imej UMT di peringkat nasional iaitu dalam negara tetapi luar Negeri Terengganu dan imej UMT di peringkat antarabangsa atau global”.*

UMT telah melakukan pelbagai pengisian fizikal serta aktiviti yang menyokong kepada pembangunan dan penyebaran kecemerlangan. Bagi tujuan ini, peningkatan kemudahan prasarana; infrastruktur dan infostruktur bagi membantu aktiviti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, pengembangan ilmu serta kemasyarakatan telah diberi perhatian. Sebahagian daripada aktiviti yang dijalankan juga telah disebarkan kepada masyarakat umum melalui promosi dan publisiti menggunakan pelbagai media, lawatan serta pameran. Ini adalah usaha berterusan UMT yang telah dijalankan sepanjang tahun 2012 bagi melonjakkan imej UMT.

PROMOSI DAN PUBLISITI

Sepanjang tahun 2012, UMT terus menggiatkan proses pembangunan imej melalui aktiviti promosi dan publisiti dengan memberi perhatian kepada tiga komponen utama: imej universiti pada masyarakat setempat atau tempatan iaitu peringkat Terengganu dan/atau Pantai Timur, imej UMT di peringkat nasional iaitu dalam negara tetapi luar Negeri Terengganu dan imej UMT di peringkat antarabangsa atau global. Untuk tujuan ini aktiviti diklasifikasikan kepada pameran dan lawatan, publisiti dalam media cetak dan media elektronik, siaraya di radio serta televisyen dan lain-lain.

PAMERAN DAN LAWATAN DALAM NEGARA

Penglibatan pihak industri dan masyarakat dilihat mampu memberi kesan yang signifikan kepada pembangunan imej dan memperkasakan UMT. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh UMT dalam memperkasakan hubungan dengan pihak industri dan masyarakat. Usaha-usaha yang dijalankan untuk memanfaatkan kepakaran ilmiah, kemudahan, penyelidikan dan inovasi universiti kepada pihak industri dan komuniti, sekaligus sebagai satu platform mempromosikan UMT. Aktiviti yang dijalankan termasuklah menyertai pameran dan penerimaan pelawat ke UMT. Sepanjang tahun 2012, UMT telah menyertai 20 pameran anjuran daripada pelbagai agensi (Jadual 47). UMT juga telah menerima 25 lawatan dari agensi luar yang terdiri daripada sekolah-sekolah, Institusi Pengajian Tinggi, sektor Kerajaan dan sektor Swasta (Jadual 48).

Jadual 47: Bilangan Penyertaan Pameran dalam Negara yang Dijalankan bagi Tahun 2012 dan 2011.

Anjuran	Bilangan Pameran	
	2012	2011
Kementerian Pengajian Tinggi	8	5
Institusi Pengajian Tinggi	7	7
Sektor Kerajaan	5	1
Sektor Swasta	0	7
Jumlah	20	20

Jadual 48: Bilangan Lawatan dari dalam Negara ke UMT bagi Tahun 2012 dan 2011.

Agensi	Bilangan Lawatan		Bilangan Peserta	
	2012	2011	2012	2011
Sekolah	17	25	817	1861
Institusi Pengajian Tinggi	5	2	167	95
Sektor Kerajaan	1	1	6	44
Sektor Swasta	2	0	11	0
Jumlah	25	28	1001	2000

PAMERAN DAN LAWATAN LUAR NEGARA

Pengantarabangsaan merupakan Teras Kelima Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara, bertujuan untuk memartabatkan IPT tempatan ke arah bertaraf dunia. Lanjutan daripada itu UMT juga berusaha ke arah melaksanakan aktiviti pengantarabangsaan dengan matlamat untuk memasarkan nama UMT sekaligus dikenali oleh Negara luar. Berikut merupakan aktiviti pengantarabangsaan yang telah dilaksanakan oleh Universiti Malaysia Terengganu.

Secara keseluruhan, 30 buah negara telah dilawati oleh warga UMT sepanjang tahun 2012 bagi tujuan promosi akademik, penyelidikan serta lawatan kerja atau strategik. Jadual 48 menunjukkan peningkatan (28%) aktiviti pengantarabangsaan UMT ke luar negara pada tahun 2012. Kekerapan lawatan adalah ke Indonesia, United Kingdom, Singapura dan Korea (>5 per tahun). Tahun ini juga menunjukkan aktiviti pengantarabangsaan lebih menjurus kepada aktiviti strategik dan lawatan rasmi (Jadual 49).

Jadual 49: Bilangan Lawatan ke Luar Negara bagi Tahun 2012 dan 2011.

BIL	NEGARA	BILANGAN LAWATAN	
		2012	2011
1.	India	0	2
2.	Perancis	1	4
3.	Mesir	1	1
4.	Thailand	4	11
5.	Vietnam	2	3
6.	Indonesia	16	8
7.	United Kingdom	10	2
8.	Kemboja	-	1
9.	Kanada	-	2
10.	Korea	5	2
11.	China	4	6
12.	Australia	4	3
13.	Belgium	-	1
14.	Jerman	1	2
15.	Singapura	7	1
16.	Amerika Syarikat	1	1
17.	Filipina	-	2
18.	Itali	-	1
19.	Turki	-	1
20.	Jepun	2	-
21.	Austria	1	-
22.	Slovenia	1	-

BIL	NEGARA	BILANGAN LAWATAN	
		2012	2011
23.	Iran	1	-
24.	New Zealand	1	-
25.	Portugal	2	-
26.	Taiwan	1	-
27.	Jordan	1	-
28.	Republik Czech	1	-
29.	Ireland	1	-
30.	Laos	1	-
JUMLAH		69	54

Jadual 50 menunjukkan rumusan kategori atau tujuan lawatan keluar negara pada tahun 2011 dan 2012. UMT sangat aktif menyertai persidangan-persidangan yang dianjurkan di luar negara, menyertai promosi yang dianjurkan oleh pihak KPT dan Swasta serta menyertai pertandingan penyelidikan di peringkat antarabangsa.

Jadual 50: Pecahan Jenis atau Tujuan Keluar Negara bagi Tahun 2012 dan 2011.

KATEGORI AKTIVITI	Tahun	
	2012	2011
Penyelidikan/Latihan	8	11
Latihan industri	15	15
Konferensi/persidangan	56	53
Pameran penyelidikan	2	6
Promosi akademik	10	11
Lawatan kerja	34	27
Aktiviti pelajar	16	14
JUMLAH	141	137

Bilangan lawatan dan delegasi dari luar negara ke UMT pada 2012 juga menunjukkan peningkatan yang ketara iaitu masing-masing 2.5 dan 5.45 kali lebih tinggi berbanding tahun 2011 (Jadual 50). Indonesia mendahului senarai pelawat luar negara dengan kekerapan serta bilangan delegasi yang tinggi dan diikuti oleh Thailand. Kedatangan delegasi luar ke UMT mempunyai beberapa tujuan. Antaranya ialah melihat dengan lebih jelas tentang program-program yang ditawarkan oleh UMT, kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh UMT kepada pelajar-pelajar, peluang kerjasama penyelidikan dan menyampaikan ceramah. Lawatan-lawatan tersebut boleh diklasifikasikan seperti berikut:

Jadual 51: Bilangan Lawatan dari Luar Negara ke UMT bagi Tahun 2012 dan 2011.

BIL	NEGARA	BIL. DELEGASI		BIL . LAWATAN	
		2012	2011	2012	2011
1.	Indonesia	40	30	9	10
2.	Thailand	31	12	2	3
3.	Jepun	3	1	2	1
5.	Sudan	-	2	-	1
6.	Australia	6	5	2	1
7.	Vietnam	-	3	-	1
8.	Sri Lanka	3	5	1	
9.	Iraq	-	1	-	1
10.	Iran	30	3	4	1
11.	Libya	2	1	1	1
12.	Kanada	2	1	1	1
13.	Amerika Syarikat	2	2	1	1
14.	Singapura	2	-	2	-
15.	Hungary	1	-	1	-
16.	Belanda	1	-	1	-
17.	Korea	2	-	2	-
18.	Brunei	2	-	2	-
19.	Perancis	5	-	2	-
20.	Scotland	1	-	1	-
21.	Jerman	2	-	2	-
22.	United Kingdom	2	-	2	-
23.	Filipina	2	-	1	-
24.	Pakistan	2	-	1	-
25.	India	202	-	1	-
26.	Afrika	1	-	1	-
27.	Bangladesh	1	-	1	-
28.	Nigeria	6	-	1	-
29.	Rusia	1	-	1	-

BIL	NEGARA	BIL. DELEGASI		BIL . LAWATAN	
		2012	2011	2012	2011
30.	Ho Chi Minh	1	-	1	-
31.	Kuwait	1	-	1	-
32.	Republik Czech	2	-	1	-
33.	China	6	-	1	-
34.	Hong Kong	1	-	1	-
35.	Mauritius	1	-	1	-
36.	Nepal	1	-	1	-
37.	Mesir	3	-	1	-
38.	Albania	1	-	1	-
39.	Taiwan	1	-	1	-
JUMLAH		371	68	53	21

Jadual 51 menunjukkan rumusan kategori atau tujuan lawatan dari dan keluar negara pada tahun 2011 dan 2012. Kebanyakan dari pelawat yang datang ke UMT adalah untuk tujuan lawatan rasmi dan menyampaikan ceramah. Walau bagaimanapun, terdapat peningkatan dari segi bilangan pelawat yang datang ke UMT.

HEBAHAN MEDIA CETAK

Tahun 2012 menunjukkan peningkatan 12% bilangan paparan berita yang disebarluaskan melalui akhbar dan majalah (Jadual 52) berbanding tahun 2012. Secara purata 36 berita disiarkan setiap bulan dengan bilangan tertinggi dicatatkan pada bulan September iaitu sebanyak 61. Kekerapan siaran berita di akhbar dan majalah ini bergantung kepada program atau aktiviti yang telah dilaksanakan serta isu-isu semasa. Peningkatan dan kekerapan siaran berita sudah pasti akan meningkatkan penampilan UMT di dalam negara. Secara umum, jenis berita yang disiarkan dapat dikumpulkan sebagai berita berkaitan hal-hal akademik, penyelidikan, aktiviti pelajar, pentadbiran dan kemasyarakatan.

Jadual 52 : Bilangan Siaran Berita Berkaitan UMT dalam Akhbar Tempatan Mengikut Bulan bagi Tahun 2012 dan 2011.

Bulan/Tahun	2012	2011
Januari	7	30
Februari	20	11
Mac	26	33
April	41	29

Mei	43	27
Jun	48	26
Julai	42	48
Ogos	22	11
September	61	34
Oktober	53	52
November	40	44
Disember	36	47
JUMLAH	439	392

Peratus Peningkatan 11.98~12%

Tahun 2012 menunjukkan peningkatan yang ketara bagi siaran berita berkaitan akademik (140%), penyelidikan (29%) dan kemasyarakatan (20%). Aktiviti pelajar mendominasi bilangan berita yang dipaparkan, diikuti oleh berita berkaitan penyelidikan (Jadual 53) Paparan berita aktiviti pelajar yang tinggi akan memberikan gambaran yang positif dalam kalangan masyarakat umum. Pencapaian dan keupayaan pelajar dalam pertandingan di peringkat nasional atau aktiviti yang berkaitan menunjukkan tahap kemahiran sahsiah (*soft skill*) yang tinggi di kalangan pelajar universiti ini. Kekerapan dan bilangan siaran berita berkaitan penyelidikan juga penting dalam mempromosi hasil kerja penyelidikan dan penyelidik UMT. Pencapaian dan hasil penyelidikan yang dihasilkan dapat diketahui oleh masyarakat umum serta memudahkan UMT mendapat rakan industri bagi tujuan pengkomersialan. Dengan peningkatan ini, UMT akan lebih dikenali sebagai institusi pendidikan yang komprehensif; menghasilkan pelajar yang aktif, mempunyai ahli akademik yang berfikiran kreatif dan daya cipta yang tinggi.

Jadual 53: Bilangan Keluaran Berita dalam Akhbar Tempatan Mengikut Aktiviti bagi Tahun 2012 dan 2011.

Jenis/Tahun	2012	2011
Akademik	60	25
Penyelidikan	106	82
Aktiviti pelajar	128	131
Pentadbiran	60	83
Kemasyarakatan	85	71
JUMLAH	439	392

HEBAHAN MEDIA ELEKTRONIK

Selain media cetak, kemunculan berita berkaitan UMT di siaran radio dan TV juga penting. Pada tahun 2012, sebanyak 106 kali siaran di radio dan televisyen nasional telah dilakukan dipelbagai saluran penyiaran. Ini adalah 83% peningkatan dengan purata sembilan siaran per bulan berbanding lima siaran per bulan pada tahun 2011. Taburan siaran setiap bulan adalah seperti dalam Jadual 54 dengan bilangan tertinggi dalam bulan jun (23 siaran). Peningkatan bilangan siaran ini sudah pasti dapat memberikan kuasa penarikan dan tanggapan positif masyarakat terhadap UMT. Keluasan liputan siaran radio dan televisyen serta bilangan pendengar atau penonton yang tinggi telah dicapai dengan peningkatan siaran ini.

Jadual 54: Bilangan Siaran Berita Berkaitan UMT dalam Televisyen dan Radio Siaran Nasional Setiap Bulan bagi Tahun 2012 dan 2011.

Bulan/Tahun	2012	2011
Januari	4	0
Februari	11	1
Mac	15	3
April	15	2
Mei	3	4
Jun	23	8
Julai	11	2
Ogos	1	2
September	6	10
Oktober	12	9
November	5	2
Disember	0	15
JUMLAH	106	58
Peratus peningkatan	82.75~83%	

Dinilai daripada bahan siaran di radio dan TV, peningkatan yang tertinggi adalah dalam hal berkaitan akademik (750%), diikuti oleh aktiviti pelajar (128%) dan penyelidikan (10.7%). Bilangan sebenar siaran berita di radio dan TV adalah seperti di Jadual 55. Secara umum, aktiviti pelajar mendapat liputan tertinggi dan diikuti oleh penyelidikan sepanjang tahun 2012. Ini menunjukkan bahawa aktiviti yang dilaksanakan oleh pelajar atau penyelidik UMT adalah berkualiti dan telah berjaya menarik pihak media untuk membuat liputan. Pihak media kebiasaannya akan lebih berminat kepada program yang dapat memberi impak kepada masyarakat atau yang boleh mencetus fenomena. Pada tahun mendatang, aktiviti sedemikian akan terus dilaksanakan supaya jenama dan citra UMT dapat diperkembangkan.

Jadual 55: Bilangan Siaran Berita TV dan Radio Tempatan Mengikut Skop Aktiviti bagi Tahun 2012 dan 2011.

Jenis /Tahun	2012	2011
Akademik	17	2
Penyelidikan	31	28
Aktiviti pelajar	32	14
Pentadbiran	14	12
Kemasyarakatan	3	2
JUMLAH	106	58

PROGRAM-PROGRAM SEPANJANG TAHUN

Pelbagai majlis dan program yang memberi impak terhadap imej dan reputasi universiti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2012 adalah seperti dalam Jadual 56. Nilai profesionalisme yang tinggi ditonjolkan dan diamalkan semasa membuat perancangan dan pelaksanaan sesuatu majlis atau program, meliputi seminar, persidangan, syarahan awam, pelancaran buku, konvokesyen, lawatan tetamu kenamaan, majlis anugerah, majlis penghargaan dan lain-lain. Secara purata, empat program dijalankan setiap bulan. Program-program yang dilaksanakan ini melibatkan warga UMT, jemputan luar kampus dan tetamu-tetamu kenamaan daripada agensi-agensi luar di dalam dan luar negara. Pelaksanaan majlis atau program yang berkualiti ini bukan sahaja memberi impak kepada imej UMT, tetapi juga merupakan elemen penting dalam membantu meningkatkan reputasi universiti di peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa.

Bilangan program yang dijalankan sepanjang tahun 2012 adalah rendah berbanding tahun 2011. Namun impak program-program yang dijalankan tetap mampu melonjakkan nama dan imej UMT di mata masyarakat. Senarai majlis-majlis kebangsaan yang telah diadakan dipaparkan dalam Jadual 56.

Jadual 56: Senarai Majlis-majlis Kebangsaan yang diadakan oleh UMT Sepanjang Tahun 2012.

Bil. Nama Majlis

1. Karnival E-Pembelajaran
2. Majlis Anugerah Sukan (MASUM)
3. Pelancaran Yayasan Penyelidikan Antartika
4. Syarahan Pewaris Ilmu oleh YBhg. Prof. Emeritus Tan Sri Datuk Dr. Omar Abdul Rahman
5. Hari Inovasi@UMT 2012
6. Simposium Persatuan Biologi Gunaan Malaysia Kali Ke-12
7. Anugerah Malim Ilmu 2012

UMT juga turut memberi sumbangan kepada komuniti setempat melalui program tanggungjawab sosial (Jadual 57).

Jadual 57: Senarai Program Tanggungjawab Sosial yang diadakan oleh UMT Sepanjang Tahun 2012.

Bil. Nama Program

1. Program USR@UMT 2012 Bersama Pusat Kesihatan UMT
2. Program Mesra Ramadan UMT 2012
3. Majlis Sambutan Hari Raya UMT Tahun 2012

Selain itu, UMT turut mengadakan program-program di peringkat antarabangsa (Jadual 58).

Jadual 58: Senarai Program Antarabangsa yang diadakan oleh UMT Sepanjang Tahun 2012.

Bil. Nama Majlis

1. Universiti Malaysia Terengganu 11th International Annual Symposium on Sustainability Science and Management (UMTAS 2012)
2. Majlis Menandatangani MoU UMT dengan Kagoshima University
3. 8th International Conference On Marine Technology 2012 (MARTEC 2012)
4. International Marine Science and Marine Technology Undergraduate Symposium 2012 (IMSMART 2012)
5. Seminar Antarabangsa Pembangunan Komuniti dan Program Persidangan Antarabangsa Kualiti (ICQTL) UMT 2012

Keseluruhan program yang dianjurkan sepanjang tahun 2012 dirujuk dalam Jadual 59. Terdapat pengurangan bilangan penganjuran program pada tahun 2012 iaitu hanya 53 program berbanding 75 program pada tahun 2011.

Jadual 59: Bilangan Program yang diadakan Sepanjang Tahun 2012 dan 2011.

Bulan/Tahun	Bilangan Program	
	2012	2011
Januari	2	6
Februari	4	4
Mac	3	8
April	6	6
Mei	8	5
Jun	2	9
Julai	7	7
Ogos	1	1
September	6	8
Oktober	5	10
November	5	8
Disember	4	4
JUMLAH	53	75

CITRA PRASARANA FIZIKAL

Tahun 2012 adalah tahun pembangunan fizikal UMT yang terbesar. Jadual 60 menunjukkan pertambahan kemudahan untuk pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan serta kemudahan lain di UMT. Pertambahan ruang paling tinggi adalah pada makmal sains (152%), diikuti oleh makmal sosial (140%) dan ruang kuliah (129%). Nisbah ruang untuk pembelajaran kepada kapasiti pengguna ditunjukkan dalam Jadual 57. Penambahbaikan ruang dan kemudahan ini telah memberi ruang yang lebih selesa kepada aktiviti pembelajaran dan pengajaran serta penyelidikan.

Jadual 60: Pertambahan Bilangan Kemudahan untuk Pengajaran dan Pembelajaran serta Kemudahan Asas Sehingga Tahun 2012

Bil	Fasiliti	2012	2011	% pertambahan
1.	Bilik Kuliah	76	28	48
2.	Bilik Makmal	232	98	134
3.	Bilik Mesyuarat	42	30	12
4.	Bilik Pensyarah /Pegawai	932	482	450
5.	Kafetaria	11	8	3

Jadual 61: Pertambahan Ruang untuk Pembelajaran dan Kapasiti pada Tahun 2012 Selepas Sebahagian Besar Projek RMK10 Selesai Dibangunkan.

	keluasan ruang (m ²)		Kapasiti (bilangan pelajar)	
	2012	2011	2012	2011
Makmal sains	20668	8177	1879	743
Makmal sosial	5169	2153	654	273
Ruang kuliah	10775	4704	10775	4704

* Nota: Piawai pengiraan kapasiti ; makmal sains - 11m² : 1 pelajar, makmal sosial - 7.9m² : 1 pelajar dan ruang kuliah - 1m² : 1 pelajar, bilangan semasa pelajar UMT = 7475 orang.

Pertambahan kemudahan fizikal adalah dari 11 projek telah diluluskan kepada UMT untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10) yang bermula pada tahun 2011-2015. Kesemua projek ini merupakan sambungan daripada Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9); tiada projek baharu yang diluluskan untuk UMT pada tahun 2012. Tiga daripada 11 projek berkenaan dikendalikan oleh Universiti Malaysia Terengganu, manakala selebihnya dikendalikan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR). Jumlah siling peruntukan untuk keseluruhan yang diluluskan bagi RMK10 adalah sebanyak RM63 juta. Sebahagian daripada projek terlibat ialah Kompleks Sukan, Gimnasium dan Padang Permainan, Pusat Kegiatan dan Kesihatan Pelajar dan Stesen Penyelidikan Luar Pulau Bidong. Institut Akuakultur Tropika dan Institut Oseanografi telah berjaya disiapkan pada tahun 2010 dan 2011. Pada tahun 2012, lima projek iaitu Kompleks Makmal, Kompleks Kuliah Pusat, Fakulti Pengajian Maritim dan Sains Marin, Fakulti Agroteknologi dan Sains Makanan dan Pusat Pengajian SiswaZah telah berjaya disiapkan.



102

Nama Projek	Tarikh Mula	Tarikh Siap Asal	Status Pelaksanaan (Sehingga 31 Disember 2012)
PAKEJ 2A			
Kompleks Makmal	1/12/2008	28/11/2010	Dalam tempoh tanggungan kecacatan Tarikh siap sebenar : 31/7/2012



Nama Projek	Tarikh Mula	Tarikh Siap Asal	Status Pelaksanaan (Sehingga 31 Disember 2012)
PAKEJ 2A			
Kompleks Kuliah Pusat	1/12/2008	28/11/2010	Dalam tempoh tanggungan kecacatan Tarikh siap sebenar : 31/7/2012



Nama Projek	Tarikh Mula	Tarikh Siap Asal	Status Pelaksanaan (Sehingga 31 Disember 2012)
PAKEJ 2A			
Fakulti Pengajian Maritim dan Sains Marin	1/12/2008	28/11/2010	Dalam tempoh tanggungan kecacatan Tarikh siap sebenar : 31/7/2012



Nama Projek	Tarikh Mula	Tarikh Siap Asal	Status Pelaksanaan (Sehingga 31 Disember 2012)
PAKEJ 2B			
Fakulti Agroteknologi dan Sains Makanan	3/11/2008	30/10/2011	Dalam tempoh tanggungan kecacatan Tarikh siap sebenar : 09/12/2012



Nama Projek	Tarikh Mula	Tarikh Siap Asal	Status Pelaksanaan (Sehingga 31 Disember 2012)
PAKEJ 2B			
Pusat Pengajian Siswazah	3/11/2008	30/10/2011	Dalam tempoh tanggungan kecacatan Tarikh siap sebenar : 30/4/2012



Nama Projek	Tarikh Mula	Tarikh Siap Asal	Status Pelaksanaan (Sehingga 31 Disember 2012)
PAKEJ 2D			
Pusat Islam	19/3/2012	15/9/2013	Dalam pembinaan. Kemajuan kerja: 21.80%

CITRA PRASARANA INFOSTRUKTUR - TEKNOLOGI MAKLUMAT


Pada tahun 2012, beberapa projek infostruktur atau yang berkaitan teknologi maklumat telah berjaya disiapkan. Projek ini telah dapat meningkatkan kecekapan perkhidmatan dalam kampus dan kemudahan pembelajaran.

RANGKAIAN TANPA-WAYAR (WIRELESS) DI KOLEJ KEDIAMAN SISWA

UMT telah menjadikan kolej kediaman siswa sebagai salah satu daripada pusat pembelajaran kendiri. Untuk tujuan ini, menaiktaraf fasiliti capaian internet di Kolej Kediaman Siswa adalah selari dengan keperluan dan perkembangan aktiviti pembelajaran dan pengajaran secara maya. Sehubungan itu, Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEPA) dengan kerjasama Pusat Teknologi Maklumat (PTM) telah diberikan amanah untuk menaiktaraf aplikasi rangkaian tanpa wayar di Kolej Kediaman Siswa. Projek ini menggunakan teknologi perkakasan rangkaian Cisco dan Teknologi AMP bagi menyokong keperluan sistem pengkabelan. Fasa permulaan melibatkan kajian keperluan pengguna dan persekitaran untuk disesuaikan dengan penggunaan teknologi, diikuti dengan Fasa Perlaksanaan yang merupakan proses pemasangan selama hampir 4 bulan oleh petender yang dilantik. Fasa terakhir merupakan fasa tempoh jaminan bagi keseluruhan projek ini. Pada tahun 2011, hanya 30% daripada kawasan kolej kediaman ini mendapat capaian rangkaian atau liputan tanpa wayar. Melalui projek penaiktarafan ini, keseluruhan kawasan kolej kediaman telah menikmati kemudahan yang telah dibangunkan ini. Projek ini turut dilengkapi dengan aplikasi pengurusan rangkaian tanpa wayar (*wireless management system*). Aplikasi ini dapat membantu warga pelajar, khususnya menguruskan penggunaan harian kapasiti wireless yang telah diberikan. Para pelajar juga boleh mengakses dan mencapai modul ataupun bahan-bahan pembelajaran dan ilmiah menerusi portal utama UMT, iaitu '*MyNemo*'. Kemudahan ini juga dapat diguna oleh pihak pengurusan dan pentadbiran kolej kediaman serta para pelawat melalui kata laluan yang didaftarkan. Taburan penggunaan rangkaian tanpa wayar ditunjukkan pada Rajah 62.

Rajah 62 : Penggunaan Rangkaian Tanpa Wayar oleh Warga UMT bagi Tahun 2012 dan 2011.

Tahun	Bilangan pengguna
2012	59,961
2011	49,750



MODUL APLIKASI DALAM TALIAN

Sepanjang tahun 2012, Pusat Teknologi Maklumat (PTM) telah berjaya menyiapkan sebanyak 11 modul sepertimana yang ditunjukkan pada Jadual 63. Pembangunan modul-modul aplikasi adalah selaras dengan hasrat PTM untuk:-

- i. Menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan di UMT.
- ii. Satu cara untuk mempertingkatkan produktiviti kerja warga UMT, dan
- iii. Rakan strategik kepada pusat tanggungjawab dalam memberi perkhidmatan yang berkualiti kepada semua warga UMT.

Jadual 63: Modul Aplikasi Atas Talian yang Siap Dibina dan Digunakan dalam Tahun 2012.

BIL.	SISTEM/ MODUL
1.	Modul Pengurusan Kenderaan
2.	Modul Perjawatan : Profil Staf
3.	Modul Penempatan Staf
4.	Modul Pengurusan Aset
5.	Modul Pengurusan Jurnal
6.	Modul Pengurusan Seminar
7.	Modul Pengurusan Fasiliti PPH
8.	Modul Kepuasan Pelanggan (e-Survey)
9.	Sistem Penjualan Buku “Online Bookstore”
10.	Modul Pengurusan Akademik: Gugur-tambah atas talian

PRASARANA - INFOSTRUKTUR BAHAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Selaras dengan perkembangan semasa, PSNZ turut mengorak langkah untuk meningkatkan koleksi rujukan dalam bentuk elektronik atau digital. Jadual 64 menunjukkan bilangan koleksi dan pinjaman yang dilakukan sepanjang tahun 2012.

Jadual 64 : Bilangan koleksi bahan rujukan dan bilangan peminjaman bagi tahun 2012 dan 2011.

Bahan	Bilangan Koleksi		Bilangan Naskah Dipinjam	
	2012	2011	2012	2011
Buku (Bercetak)	89,557	86,550	51,143	50,937
Buku elektronik	10,712	10,703	9,566	6,627
Bahan Sumber Media	10,140	9,860	143	256

	Bilangan Koleksi	Bilangan Naskah Dipinjam
Jurnal Langganan (bercetak)	72	60
Jurnal elektronik	38	26
Tesis (bercetak)	595	466
Tesis (elektronik / digital)	144	135
Laporan Projek	2,665	2,620
Langganan Pangkalan Data	24	22
Arkib	11,676	10,710
Jumlah Koleksi	125,623	121,152
Peratusan	3.69 % (peningkatan)	5.25% (peningkatan)

Koleksi keseluruhan bahan rujukan di PSNZ pada tahun 2012 adalah sebanyak 125,623 buah. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 3.69% berbanding tahun 2011, dengan bilangan bahan rujukan sebanyak 121,152 buah.

Pada tahun 2012 berlaku peningkatan yang ketara dalam keahlian PSNZ. Pertambahan sebanyak 44% melibatkan pegawai akademik, pelajar di peringkat Diploma, Ijazah dan Ijazah Lanjutan. Perpustakaan juga menyediakan perkhidmatan keahlian bersekutu kepada masyarakat setempat, khususnya untuk menggunakan perkhidmatan perpustakaan. Pecahan kategori ahli adalah seperti Jadual 65 di sebelah.



Jadual 65 : Jumlah Keahlian PSNZ yang Aktif Mengikut Kumpulan Peminjam.

Kategori	Bilangan ahli	
	2012	2011
Pegawai UMT	884	776
Pelajar UMT	9,230	6,251
Orang awam (ahli bersekutu)	78	46
Jumlah	10,192	7,073
	44% peningkatan	

SENARAI LANGGANAN PENGKALAN DATA

Bil. Langganan 2012

1. *Academic OneFile*
2. *ACM Digital Library*
3. *ACS Journals*
4. *Business Monitor Online*
5. *CLJ Law*
6. *Emerald Management Plus*
7. *GBIP*
8. *Jstor*
9. *Lawnet*
10. *LC Classification Web*
11. *OECD iLibrary*
12. *PsycARTICLES*
13. *PsycINFO*
14. *Science Direct Journals*
15. *Science Online*
16. *Scifinder*
17. *SpringerLink*
18. *Ulrich's Web*
19. *Wiley Online Library*

Bil. Pangkalan Data Langganan KPT

20. *BLIS*
21. *Ebsco Academic Source Premier*
22. *Ebsco Business Source Complete*
23. *Proquest Dissertations and Theses*
24. *Scopus*

Kecekapan perkhidmatan peminjaman dan pemulangan di PSNZ telah dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Peminjam PSNZ kini boleh melakukan peminjaman dan pemulangan secara layan diri.

Sebanyak 51,787 pinjaman telah dibuat berbanding 51,613 pinjaman pada tahun 2011 dan 41451 naskah buku telah dipulangkan menggunakan sistem *book drop* dan sebanyak 40726 buah buku telah dipinjam menggunakan *self-check machine*. Kedua-dua sistem ini telah dimanfaatkan dan menyumbang kepada perkhidmatan yang lebih cekap dan mesra pelanggan.

PROGRAM PENDIDIKAN PELANGGAN

Sepanjang tahun 2012, sebanyak 15 sesi taklimat telah diadakan melibatkan 2210 orang pelajar. Program ini telah mencapai kepuasan pelanggan sebanyak 98%. Dalam program ini para pelajar telah diberikan tutorial kaedah penggunaan *Online Public Access Catalogue* (OPAC) bagi memudahkan mereka membuat carian bahan-bahan perpustakaan. Pelajar juga telah diberikan pendedahan mengenai kaedah penggunaan pangkalan data langganan PSNZ.

PUSAT SEBARAN ILMU

Sepanjang tahun 2012, sebanyak 94 poster penyelidikan telah dibentangkan oleh para pelajar di ruang pameran utama PSNZ dan poster tersebut dinilai pemarkahannya oleh pensyarah yang terlibat.

PENGUNAAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

Pada tahun 2012, sebanyak 144 naskhah tesis, 224 naskhah kertas soalan peperiksaan, 160 naskhah laporan projek dan 153 bahan koleksi arkib universiti telah diimbas dan dimuatkan secara atas talian dalam pangkalan data *D-Space*.

Pada tahun 2012, sebanyak 24 jumlah pertanyaan telah direkodkan dan telah diberikan maklum balas oleh Pustakawan yang menyelia laman sosial tersebut. Jumlah pengguna semasa adalah seramai 4418 orang pengguna.

**“PSNZ kini memiliki lebih
daripada **103 ribu** koleksi
bahan rujukan”**

“Penggunaan semasa media sosial facebook PSNZ adalah seramai 4418 orang.”



JARINGAN INDUSTRI DAN KOMUNITI





“Pelaksanaan Program USR@UMT menggambarkan wawasan pihak pengurusan tertinggi UMT dalam usaha untuk menampilkan kewujudan UMT bukan sahaja sebagai institusi yang memberi impak positif kepada perkembangan di sektor pengajian tinggi Malaysia tetapi juga memberi impak yang signifikan kepada pembangunan masyarakat sekitar”.

Hubungan universiti-industri amatlah penting dalam usaha memastikan kurikulum pengajaran adalah relevan sejajar dengan keperluan pasaran kerja. Pengisian kurikulum pengajian yang disampaikan dalam bilik kuliah hendaklah selari dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan oleh industri dan masyarakat sebagai persediaan bakal graduan ke pasaran kerja. Selain itu, proses pembelajaran tidak hanya berlaku di universiti malah boleh juga berlaku secara dua hala menerusi program pemindahan pengetahuan dan teknologi. Begitu juga pihak industri mahu pun pihak komuniti boleh menggunakan kepakaran universiti untuk program pembangunan industri dan masyarakat. Kejayaan pengkomersialan produk penyelidikan yang dihasilkan oleh universiti juga memerlukan sokongan padu dari pihak industri untuk direalisasikan kebaikan dan faedah dari hasil penyelidikan tersebut.

LATIHAN INDUSTRI

Latihan Industri (LI) adalah satu platform terbaik untuk pelajar mendedahkan diri dengan keadaan sebenar di alam pekerjaan. Antara tujuan utama latihan industri adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang pelbagai aspek dan amalan dalam bekerja serta peranannya dalam masyarakat.

Dengan itu, pelajar dapat melihat dan mengambil bahagian serta mendapat pendedahan daripada teori-teori yang telah diajar. Dengan adanya peluang ini, pelajar turut dapat mempraktikkan pengetahuan yang ada dalam menjalankan tugas-tugas di organisasi tersebut.

**“Pada tahun 2012,
seramai **1,631 pelajar**
telah menjalani latihan industri
di dalam negara dan luar negara”**

Pada tahun 2012, seramai 1,631 pelajar telah menjalani latihan industri. Agihan pelajar mengikut fakulti dan penempatan (dalam negara dan luar negara) adalah seperti Jadual 66 di bawah.

Jadual 66: Bilangan Pelajar Menjalani Latihan Industri Tahun 2012 Mengikut Fakulti.

FAKULTI	Bilangan Pelajar Menjalani LI 2012	
	Dalam Negara	Luar Negara
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi	297	6
Fakulti Sains dan Teknologi	620	-
Fakulti Agroteknologi dan Sains Makanan	175	-
Fakulti Pengajian Maritim dan Sains Marin	198	-
Fakulti Pembangunan Sosial	208	-
Fakulti Perikanan dan Akua-Industri	108	19
JUMLAH	1,606	25

FORUM RAKAN INDUSTRI (FRI)

Forum Rakan Industri (FRI) merupakan program yang bertujuan memberi peluang kepada pelajar dan para akademia meningkatkan lagi pengetahuan serta menjalankan kerjasama antara industri dan khususnya dengan universiti. Fakulti telah dipertanggungjawabkan dalam pelaksanaan program ini dengan memberikan fokus kepada rakan industri yang mempunyai memorandum persefahaman (MoU) dengan UMT.

Jadual 67 di bawah menunjukkan fakulti yang telah menjayakan forum ini bersama-sama rakan industri yang terlibat.

Jadual 67 : Senarai Penglibatan Rakan Industri dalam Forum Rakan Industri UMT 2012.

Fakulti	Rakan Industri
	Leong Hup Holdings Berhad
Fakulti Perikanan dan Akua-Industri	Southeast Asian Development Center/ Marine Fishery Research Development & Management Department (SEAFDEC/MFRDMD)

PROGRAM KEBOLEHPASARAN PELAJAR

Pelaksanaan program kebolehpasaran pelajar yang diatur setiap tahun bertujuan untuk melengkapkan pelajar dengan ilmu yang memberi nilai tambah kepada pelajar bagi menghadapi dunia pekerjaan pada masa hadapan.

Sebanyak 12 program kebolehpasaran graduan telah dilaksanakan oleh UMT pada tahun 2012 seperti di Jadual 68 di bawah.

Jadual 68: Senarai Program Kebolehpasaran Graduan Tahun 2012.

Program	Tarikh
Bengkel <i>Finishing School</i> Kaunselor 2012	17 - 18 Januari 2012
Kursus <i>Basic Safety Training (BST) & Tanker Familiarization</i>	19 - 23 Januari 2012 & 25 - 29 Januari 2012
Bengkel Perisian Analisis Ekonomi	21- 22 Feb 2012
Bengkel Pemantapan Kendiri	23-24 Feb 2012
Bengkel Laku Kerja Pelajar-pelajar Program SM Pengurusan (Polisi & Sekitaran Sosial)	7 - 8 Mac 2012
Bengkel Pra Graduasi 2012 bagi Pelajar Tahun Akhir Pengajian FST	7 - 8 April 2012
Bengkel Kemahiran Pengurusan	28 - 29 April 2012
<i>UBS Certificate Course</i>	23, 24 Nov & 1 Disember 2012
Bengkel Amalan Terbaik Halal dalam Industri Makanan	14 - 15 Disember 2012
<i>Audit Express Certificate Course</i>	19 - 21 Disember 2012
Malaysian Institute of Management (MIM) Certificate Course	26 - 27 Disember 2012

PROGRAM USR@UMT 2012

Tahun 2012 merupakan tahun keempat Universiti Malaysia Terengganu (UMT) melaksanakan Program USR@UMT. Pelaksanaan Program USR@UMT menggambarkan wawasan pihak pengurusan tertinggi UMT dalam usaha untuk menampilkan kewujudan UMT bukan sahaja sebagai institusi yang memberi impak positif kepada perkembangan di sektor pengajian tinggi Malaysia tetapi juga memberi impak yang signifikan kepada pembangunan masyarakat sekitar sebagai sebahagian daripada anggota masyarakat sekitar, UMT merancang untuk melaksanakan tanggungjawab sosial kepada masyarakat sekitar supaya nikmat kewujudannya turut dirasai oleh masyarakat melalui beberapa program yang dikenal pasti dapat menepati dan memenuhi kehendak pelbagai golongan masyarakat sekitar.

Senarai lapan program yang diadakan pada tahun 2012 adalah seperti di tunjukkan dalam Jadual 69 di bawah.

Jadual 69 : Program USR@UMT 2012 yang telah dilaksanakan.

PROGRAM	KETERANGAN	PESERTA
Program USR Jabatan Pengurusan dan Pemasaran Bersama Sekolah Angkat	Program ini bertujuan memberikan pendedahan kepada pelajar sekolah tentang suasana kehidupan di universiti disamping memberi motivasi dan galakan agar meneruskan pengajian ke universiti.	Pelajar Tingkatan 5 dan Enam Sekolah Menengah Agama (Atas) Sultan Zainal Abidin Pelajar Tingkatan 5 Sekolah Menengah Agama Khairiah Pelajar Tingkatan 5 Sekolah Menengah Agama Sultan Zainal Abidin
Kem Marin 2012: Eksplorasi Keajaiban Alam	Program berbentuk kem ini bertujuan menarik minat kanak-kanak sekolah untuk mengenali Fakulti Pengajian Maritim dan Sains Marin (FMSM), UMT. Selain itu, kem ini akan menekankan keselamatan di persekitaran marin serta konservasi alam marin dalam kalangan peserta.	Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Menengah dari Kuala Lumpur dan Kuala Terengganu
Sambutan Hari Penyu Sedunia	Program berbentuk kempen kesedaran yang dijalankan oleh SEATRU-INOS dan WWF (Malaysia) dalam usaha bagi menyelamatkan spesies penyu di Malaysia.	Penduduk sekitar Bazar Warisan, Kuala Terengganu
